



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NOOR AZMAN BIN NORAWI
SENIMAN DAN ADIGURU MUZIK TRADISIONAL**

OLEH:

NUR ADILAH BINTI ABDUL RAHMAN	2021127939
ZAINATUL SAHIRA BINTI MAT JAIS	2021106119
INTAN SYAHIRAH BINTI RAMLI	2021106197

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NOOR AZMAN BIN NORAWI
SENIMAN DAN ADIGURU MUZIK TRADISIONAL**

OLEH:

NUR ADILAH BINTI ABDUL RAHMAN	2021127939
ZAINATUL SAHIRA BINTI MAT JAIS	2021106119
INTAN SYAHIRAH BINTI RAMLI	2021106197

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Dengan penuh kesyukuran kehadiran Ilahi kerana limpah kurnia-Nya, kami telah berjaya menyempurnakan tugas bagi subjek "Oral Documentation (IMR604)" iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses menyiapkan tugas ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sesi temu bual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai seorang pelajar.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami telah berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya. Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Noor Azman bin Norawi kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi tentang perjalanan beliau sebagai seniman dan adiguru muzik tradisional. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan kejayaan yang diperolehi mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat dan generasi muda di luar sana.

Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugas ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan berkongsi pendapat mengenai Projek Sejarah Lisan ini. Kami mengakui bahawa kedua-dua pihak ini memberi kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugas ini.

Akhirnya, kami sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Sesungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlasnya menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK.....	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI ABREVIASI.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	ix
RUJUKAN KATA.....	x
BIODATA PENEMUBUAL	xi
BIODATA PENEMUBUAL 1.....	xii
BIODATA PENEMUBUAL 2.....	xiii
BIODATA PENEMUBUAL 3.....	xiv
BIODATA TOKOH.....	xv
BIODATA TOKOH.....	xvi
Pengenalan.....	xvii
Pengenalan.....	xviii
TRANSKRIP.....	1
TRANSKRIP	2
A) LATAR BELAKANG TOKOH.....	3
B) LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH	8
C) LATAR BELAKANG KERJAYA AWAL TOKOH.....	12
D) PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI MUZIK TRADISIONAL	21
E) PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI PENYANYI LAGU RAKYAT	31

F) PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI SEORANG PEMAIN GENDANG PAHANG .	36
G) KELAB SERINDIT MATI TERSEPIT.....	39
H) PENCAPAIAN/ANUGERAH/SUMBANGAN TOKOH.....	43
I) HARAPAN DAN NASIHAT DALAM INDUSTRI.....	51
LOG WAWANCARA.....	57
LOG WAWANCARA.....	58
LAMPIRAN.....	72
LAMPIRAN.....	73
LAMPIRAN 1 – Senarai soalan temu bual	73
LAMPIRAN 2 – Encik Noor Azman bin Norawi	79
LAMPIRAN 3 – Penemubual bersama Encik Noor Azaman bin Norawi	79
LAMPIRAN 4 – Senarai anugerah dan pengiktirafan.....	80
LAMPIRAN 5 – Senarai aktiviti persatuan dan kelab	81
LAMPIRAN 6 – Senarai persembahan di media massa/majlis masmi	81
INDEKS	82
INDEKS.....	83
BIBLIOGRAFI	84
BIBLIOGRAFI.....	85
DIARI PENYELIDIKAN.....	86
DIARI PENYELIDIKAN.....	87
PERJANJIAN SEJARAH LISAN	89
PERJANJIAN SEJARAH LISAN.....	90

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Industri seni muzik tradisional ialah sektor ekonomi yang berkaitan dengan pengembangan, pengeluaran, promosi, dan pengedaran muzik daripada pelbagai budaya dan tradisi lama suatu daerah atau bangsa. Muzik tradisional mempunyai nilai budaya dan sejarah yang tinggi, dan industri ini memainkan peranan dalam melestarikan warisan budaya ini serta membawa nilai-nilai tradisional kepada generasi akan datang. Walau bagaimanapun, industri seni muzik tradisional menghadapi cabaran, terutamanya kerana perubahan selera masyarakat yang cenderung lebih suka muzik moden. Oleh itu, usaha pemeliharaan dan penghargaan kepada muzik tradisional menjadi penting untuk melestarikan kekayaan budaya ini dan memastikan kelangsungan hidupnya dalam era yang terus berkembang. Dalam kajian ini, kaedah temubual dijalankan bersama dengan seorang seniman seni musik tradisional bernama Noor Azman bin Norawi atau dikenali dengan nama Man Kayan. Beliau merupakan seorang yang aktif dalam bidang seni muzik tradisional Pahang. Beliau dilahirkan di Kampung Paya Luas, Temerloh, Pahang pada 13 May 1967. Beliau mula aktif dalam bidang seni muzik tradisional Pahang bermula tahun 2008 dengan menubuhkan Kumpulan Anak Kayan. Selain terlibat dalam bidang nyanyian lagu rakyat, beliau juga banyak terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan untuk memperkenalkan irama lagu rakyat Pahang, pergendangan dan pemakaian busana Pahang. Beliau berharap generasi muda dapat menghargai seni budaya dan bersama-sama mempertahankan lagu rakyat supaya tidak dilupakan akibat peredaran zaman.

Kata Kunci: Seniman, Seni Musik Tradisional, Warisan Budaya, Musik Tradisional Pahang, Anak Kayan

ABSTRACT

Abstract: The traditional music arts industry is the economic sector involved in the development, production, promotion, and distribution of music from various cultures and ancient traditions of a region or nation. Traditional music has a high cultural and historical value, and the industry plays a role in preserving this cultural heritage as well as bringing traditional values to future generations. However, the traditional music art industry is facing challenges, especially as the changing appetite of society tends to prefer modern music. Therefore, efforts to preserve and appreciate traditional music have become essential to preserving this cultural wealth and ensuring its survival in an ever-expanding era. In this study, the interview method was conducted in conjunction with a traditional music artist named Noor Azman bin Norawi or known as Man Kayan. He is an active member of the traditional music industry of Pahang. He was born in Kampung Paya Luas, Temerloh, Pahang on May 13, 1967. He started active in the field of traditional music in Pahang in 2008 with the establishment of the Anak Kayan Group. In addition to being involved in the field of singing folk songs, he was also involved in social activities to introduce the rhythm of Pahang people's songs, the movement, and the use of the Pahang style. He hopes that younger generations can appreciate the art of culture and together defend the folk songs so that they are not forgotten by the movement of the times.

Keywords: *Art, Traditional Music, Cultural Heritage, Music of Pahang, Anak Kayan*

SENARAI ABREVIASI

ABREVIASI	MAKSUD
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
BM	Bahasa Melayu
CD	Compact Disk / Cakera Padat
FB	Facebook
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JKR	Jabatan Kerja Raya
KL	Kuala Lumpur
MC	Medical Certification / Cuti Sakit
MCO	Movement-Control Order / Perintah Kawalan Pergerakan
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
NGO	Non-Governmental Organization / Pertubuhan Bukan Kerajaan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SU	Setia Usaha
UIA	Universiti Islam Antarabangsa

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
IS	Intan Syahirah
NAN	Noor Azman Norawi
NA	Nur Adilah
SENI	Sentiasa, Elok, Nampak, Indah
TV	Television
ZS	Zainatul Sahira

RUJUKAN KATA

KATA	MAKSUD SEBENAR
aok	Awak
diorang	Mereka
gi	Pergi
kat	Dekat
kitaorang	Kami
molek	Elok
tok empat	Ketua Kampung

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama:	Nur Adilah Binti Abdul Rahman
Tarikh Lahir:	
Tempat Lahir:	Kuala Lipis
Alamat:	Pahang
No Telefon:	
Emel:	
Program:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (IM245)

BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama:	Intan Syahirah Binti Ramli
Tarikh Lahir:	
Tempat Lahir:	
Alamat:	Pahang
No Telefon:	
Emel:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat,
Program:	Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (IM245)

BIODATA PENEMUBUAL 3



Nama:	Zainatul Sahira Binti Mat Jais
Tarikh Lahir:	
Tempat Lahir:	Jerantut
Alamat:	Pahang
No Telefon:	
Emel:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat,
Program:	Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (IM245)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama:	Noor Azman Bin Norawi
Nama Samaran:	Man Kayan
Tarikh Lahir:	1
Tempat Lahir:	Pahang
Alamat:	Pahang
No Telefon:	
Emel:	
Profesion:	Guru Gendang /
Bidang:	Pengerusi Seni Muzik

PENGENALAN

PENGENALAN

Seni muzik tradisional merujuk kepada muzik yang telah wujud dalam masyarakat tertentu selama berabad-abad dan telah diturunkan dari generasi ke generasi. Ia merupakan satu bentuk seni muzik yang berkait rapat dengan identiti budaya dan tradisi sesuatu kumpulan etnik atau komuniti di sesuatu kawasan. Muzik ini mencerminkan warisan kreatif dan budaya masyarakat yang kaya, dan sering dikaitkan dengan acara tradisional, upacara keagamaan, perayaan, dan pelbagai aspek kehidupan seharian.

Manakala, muzik Melayu tradisional merupakan satu bentuk seni muzik yang berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu di Asia Tenggara termasuk di negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan wilayah selatan Thailand. Seni muzik Melayu tradisional memancarkan identiti budaya yang kaya dan pelbagai, dan merupakan simbol kepelbagaian budaya masyarakat Melayu di rantau ini. Tambahan pula, muzik Melayu tradisional mempunyai ciri-ciri yang unik, menggunakan pelbagai jenis alat muzik tradisional seperti gendang, kecapi, rebab, serunai, dan pelbagai alat perkusi yang lain. Melodi dan irama dalam muzik ini menyampaikan keindahan dan kedalaman, sering mencerminkan cerita, mitos, nilai etika dan legenda tempatan yang diturunkan dari generasi ke generasi.

Selain itu, seni muzik Melayu tradisional juga termasuk tarian tradisional yang mempesonakan, seperti Joget, Zapin, Inang, dan piring tarian, yang menambah dimensi seni persembahan kepada warisan budaya Melayu. Hal ini kerana, muzik Melayu tradisional sering diketengahkan dalam pelbagai acara tradisi, upacara keagamaan, perayaan dan acara sosial, memainkan peranan penting dalam mengukuhkan identiti budaya dan meningkatkan semangat kebersamaan dalam masyarakat Melayu.

Walaupun muzik Melayu tradisional terus berdepan dengan cabaran pemeliharaan dan adaptasi dalam era moden, usaha untuk mengekalkan dan memperkaya warisan budaya ini tetap kukuh melalui kerjasama antara artis tradisional dan pemuzik moden. Muzik Melayu tradisional adalah jendela yang membuka wawasan tentang kekayaan dan kepelbagaian budaya Melayu, dan merupakan penjelmaan indah hubungan harmoni antara masa lalu, masa kini dan masa depan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni muzik traditional. Bersama-sama kami ialah Encik Noor Azman bin Norawi yang merupakan seorang Adiguru Gendang Lagu Rakyat dan seorang pemain gendang tradisional Pahang. Beliau juga adalah Pengerusi Persatuan Kesenian Anak Kayan Dan Kelab Serindit Mati Tersepit. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 Jun 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 12 tengah hari bertempat di Pusat Kesenian Anak Kayan Kuantan Pahang. Temu bual ini dikendalikan oleh Nur Adilah, Intan Syahirah, dan Zainatul Sahira. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.

Petunjuk:

NAN: Noor Azman bin Norawi

NA: Nur Adilah binti Abdul Rahman

IS: Intan Sahirah binti Ramli

ZS: Zainatul Sahira binti Mat Jais

A) LATAR BELAKANG TOKOH

NA : Assalamualaikum encik, mengenai latar belakang encik, bolehkah saya tahu nama penuh encik?

NAN : Waalaikumussalam, nama penuh Norazman bin Norawi dan nama panel tu Man Kayan lah.

NA : Adakah encik mempunyai nama panggilan?

NAN : Yang tadi lah. Sebenarnya nama panggilan ni banyak Boleh pak cik bercerita sikit?

ZS : Boleh.

NAN : Ketika pak cik berkahwin dengan isteri pak cik. Isteri pak cik ni [ini] tok empat [ketua kampung]. Jadi dipanggilnya Man Tok Empat. (ketawa). Boleh sebut nama [Man Tok Empat] ni lah. Jadi bila Pak cik pengasas kepada kelab motosikal klasik dan banyak mengumpul barang-barang klasik orang kampung panggil Man Klasik. Jadi pada tahun 2000 tu, pak cik dah mula menulis dan mengumpul maklumat tentang sejarah kesenian yang ada di Pahang ni dan menulis lagu rakyat sebagai perjalanan seni pak cik dan menubuhkan kumpulan Anak Kayan. Jadi kayan ini sebenarnya adalah ringkasan kepada kayu-kayan yang mana sumber alam semula jadi yang amat berguna kepada manusia daripada akarnya dibuat ubat batangnya dibuat rumah dan sebagainya, pucuknya boleh dimakan, dimanfaatkan [dimanfaatkan], dan daunnya tempat kita berteduh daripada panas, buah-buahnya jadi daripada sebatang pokok dan banyak pokok kayu kayan jadi pak cik selesa dengan nama Man Kayan itu sendiri dan kemudian yang ditubuhkan tu anak kayan. Jadi adalah sedikit hubung kait kenapa memilih nama Man Kayan itulah serba ringkas.

NA : Berapakah umur encik?

NAN : Umur dah 57 dan memulakan kerja seni ni pada umur 40. Mula jatuh cintalah dengan kesenian ini pada umur 40.

NA : Dimanakah encik dilahirkan?

NAN : Dilahirkan pada 13 Mei Tahun 67 di Kampung Paya Luas, Temerloh, Pahang.

NA : Boleh saya tahu encik menetap di mana sekarang?

NAN : Sekarang di Kuantan. Sebab rumahnya pun dibina disini. Tapi zaman kecil pak cik. Boleh bahasakan diri pak cik sebab lebih selesa dengan perkataan tu. Pak cik ni anak tentera yang sering berpindah-randah dan di itu zaman-zaman kecil kita banyak menyaksikan banyak kebudayaan, seni-seni ragam budaya orang kita orang melayu di setiap negeri. So [jadi] dari situ mungkin mempengaruhi apa yang pak cik buat sekarang ini.

NA : Sudah berapa lama pak cik berkeluarga?

NAN : Berkeluarga ya. Masa pak cik mula berkhidmat dulu, dengan Yayasan Pahang, pernah berkhidmat dengan kerajaan, bertemu jodoh la pada tahun 88 [1988] (ketawa).

NA : Apa nama isteri pak cik?

NAN : Syuhada Azman.

NA : Apa pekerjaan isteri pak cik?

NAN *Okay* [Baik] isteri pak cik ni sebenarnya sepenuh masa suri rumah kerana pak cik ni dulu macam ni cerita dia, pada zaman sekolah duduk di asrama sambung belajar dan sebagainya. Dan bila bekerja tu duduk di rumah bujang. Banyak benda yang pak cik kena ada pembantu. Daripada umur 13 tahun kita duduk asrama sampai kita belajar dan sebagainya. Jadi rasanya kena ada orang yang sepenuh masa memberi perhatian kepada pak cik. Katalah isteri kita bekerja mungkin benda tu lain la susana dia *kan*. Orang macam pak cik ni pak cik perlukan seorang yang membantu sebab pak cik ni banyak hobinya. Kalau tengok sebelum ni pun, zaman muda pak cik memang aktif dengan bola sepak juga. Jadi bila kita balik kita nak ada orang yang uruskan keperluan kitalah. Jadi masa tu memang pak cik memilih isteri yang just (cuma) pada pak cik tu duduk rumah tu pun satu yang mencabar pada dirinya. Dan jodoh kami macam tu *lah*. Bukan kata kenapa tak pilih yang bekerja? Sebenarnya kerja sebagai suri rumah tu pun satu benda yang mencabarkan juga, jaga anak, mengemas rumah.

NA : Berapa orang anak pak cik?

NAN : Anak empat orang?

NA : Umur mereka berapa?

NAN : Tak ingat dah (ketawa). Tapi yang sulung tu dulu 30-an la tapi yang bongsu 20-an. Yang bongsu yang baru sampai tadi. Dan dia banyaklah mewarisi kesenian pak cik sebab masa dia kecil tu dia dah nampak [minat terhadap seni muzik tradisional]. Mana abang-abang dia ada yang dah belajar diluar, dah kerja mungkin separuh daripada ni *kan*. Yang bongsu tu daripada dia sekolah rendah dia nampak apa benda yang pak cik buat dan dia habis sekolah tu dia terus mewarisi benda ni [mewarisi seni musik]. Jadi *atleast* [sekurang-kurangnya] dalam keluarga kita ada seorang yang meneruskan kerja ini.

NA : Boleh saya tahu nama penuh kedua ibu bapa pak cik?

NAN : Nama ayah Norawi bin Said, pesara tentera awam. Ibu, Maimunah binti Sulaiman. Kedua-duanya orang Temerloh.

NA : Berapa bilangan adik-beradik encik?

NAN : Ramai. Adik-beradik 11, meninggal seorang. So [jadi] pak cik anak yang sulung. Dekat situ [di situ] bila jadi anak sulung, secara tak langsung tu kita kena memimpin. Memimpin adik-adik kita, dan bila kita dah bekerja kemungkinan bakat tu wujud sebab kita anak sulung. Kalau adik-adik tengok di sini pak cik juga memimpin satu kumpulan kesenian yang mana bukan apa mungkin daripada kecil kita dah terbiasa dengan mengeluarkan arahan tapi arahan tu bukanlah kita sebagai diktator atau tidak. Tapi kita perlu buat benda ni [memberi arahan] dan dalam sebuah bahtera ataupun satu keluarga kene ada satu orang kita lantik sebagai ketua untuk mewakili semuanya. Dan jangan bimbang bila tiba masanya, orang lain nanti dia akan tiba. So dia tidak boleh terlalu ramai sangat. Dalam satu keluarga tu ada enam orang anak sulung. Mesti tak logik *kan*. Jadi yang sulung ni dia lebih tua atau lebih matang dalam bidang yang dia buat. Kalau dalam keluarga dia yang paling tua. Kalau dalam kesenian mungkin dia kena buat *homework* [kerja rumah] atau buat kerja rumah lebih daripada orang lain. Maksudnya dia kena buat lebih sedikit pengorbanan. Begitulah maksudnya. Anak sulung tu banyak *lah* [peranan]. Dia sulung dalam keluarga, dia sulung dalam kerja, dia sulung dalam *office* [syarikat], dia sulung dalam *group-group* [kumpulan-kumpulan] seni. Abang long *lah* senang cakap. Abang long kawasan (ketawa).

NA : Apa hobi atau aktiviti yang pak cik lakukan selian daripada bermain alat-alat muzik?

NAN : Daripada kecil ni biasalah, orang lelaki *kan*. Anak lelaki ni *kan* dia main sukan bola sepak dan zaman sekolah dulu, johan negeri mewakili negeri [menyertai bola sepak]. Dan zaman bujang tu pun masih lagi main bola. Dan kahwin pun tinggal isteri [tinggal di rumah] main bola walaupun dah bekerja. Dan bila nak sampai satu peringkat umur tertentu tu minat pada barang-barang klasik dan menubuhkan kelab motosikal klasik Kuantan. Jadi ketua juga [ketua kelab motosikal klasik] selama lapan tahun rasanya. Tapi kita dah mencapai hasrat bila kita dah bawa semua ahli kumpulan menjelajah seluruh semenanjung dengan motosikal yang lama itu. Disitu cabaran dia lebih gentir. Dia lebih mengajar kita erti kesabaran. Sebab motosikal klasik kita tak boleh jangka dua jam perjalanan. Separuh jalan dah rosak. Bila dah rosak, kita akan sama-sama berfikir, bergotong-royong, tidak tinggalkan kawan kita, bantu dia untuk selesaikan masalah dia sama ada kita boleh baiki kita baiki ataupun kita kene fikir biar kita sampai ke destinasi. Sebenarnya nama je kelab motosikal klasik tapi dari situ sudah mengajar kita tentang kehidupan. Kita tidak meninggalkan kawan-kawan kita, kita faham kawan kita tak semuanya motosikal tu ada yang laju [motosikal baru] ada yang lama [motosikal] mungkin lagi perlahan. Tapi apabila kita sudah satu satu jiwa, *let say* [katakan] kita dah keluar daripada Kuantan. Kita mula perjalanan ke Terengganu. Kita akan pastikan semuanya sampai ke Terengganu dan pastikan semuanya selamat. Kembali semula ke Kuantan walaupun dalam perjalanan banyak rintangan yang kita lalui. Dengan hujan, dengan kerosakan, dengan macam-macam *lah kan* [pelbagai rintangan]. Tapi bagi saya benda tu [rintangan-rintangan] dah mengajar kita tentang kehidupan kita yang sebenarnya. Ada masa kita senang, ada masa kita sakit, ada masa kita susah, ada masa kita ramai kawan, ada masa kita bersendirian. Tapi dengan aktiviti-aktiviti yang beramai ni, kita boleh mengenali ramai. Kita lebih tenteram, kita tidak menyalahkan sangat keadaan. Kalau kita rasa susah mungkin ada orang lebih susah. Kalau kita rasa kita banyak duit, tapi kita belum tentu tenang. Jadi menderma *lah* untuk ketenangan. Senang untuk nak cari ketenangan tu. Nampak je kadang dalam kereta Mercedes, Alphard tu tenang tapi tidak. Mungkin dia bawak kereta tu macam-

macam benda dia fikir. Mungkin jalan kaki lebih tenang. Itu falsafah kehidupan.
(ketawa)

NA : Apa cita-cita pak cik sewaktu kecil dahulu?

NAN : Cita-cita ni *kan* sebenarnya semuanya tak jadi. Adik-adik masa sekolah dulu pun ada nak jadi cikgu, nak jadi *nurse* [misi]. Ada ke jawatan tu kosong bila kita dah dewasa? Cita -cita dulu memang pak cik masa kecil duduk di kem tentera. Bila tengok orang berseragam ni, nak jadi askar. Ditawarkan maktab tentera diraja. Tapi ayah tak bagi “cukuplah aku susah sebagai askar. Kau pilih *lah* kerjaya lain.” [kata ayah]. Nampak tak ayah yang susah tu tak bagi anak jadi askar. Dan dalam adik-beradik pak cik takde [tidak ada] seorang pun jadi askar. Cita-cita memang masa kecil nak jadi askar. Tu pun semua orang nak jadi polis, nak jadi bomba. Sebab bagi mereka yang berpakaian [seragam] itu segak. Tidak ada yang kata nak jadi kerja alam flora, kerja jual burger. Dan pak cik pula mengajar anak pak cik “macam nilah besar nanti jadi orang yang berguna kepada masyarakat tidak kesah kau nak jual goreng pisang ke, kau nak jadi tukang angkat sampah ke, berguna pada masyarakat cukuplah.” untuk sekarang ini *lah*.

TAMAT BAHAGIAN A

B) LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

NA : Seterusnya, boleh pak cik kongsi tentang latar belakang pendidikan pak cik? Sekolah rendah, sekolah menengah?

NAN : Masa sekolah rendah dulu pak cik nakal. Tapi Ini kisah sebenar, masa darjah lima, cikgu sekolah gosipkan pak cik dengan seseorang. Saya tidak tahu mungkin cara dia [cikgu] berjaya. pak cik pun masa tu perasan. pak cik kata “ye ke? ye ke?”. Tiba -tiba

pak cik jadi jinak. Perempuan yang digosipkan tu memang bijak. Boleh cerita dalam ni? Bukanlah kata benda ni [digosipkan] jahat. Mula-mula kita marah. Cikgu tu suka menyakat pak cik. Tak tahu kenapa hensem ke tahu. Jadi perempuan tu pun perasan. Perempuan tu pun cakap dekat pak cik “kalau aok [awak] nak kawan dengan saya aok kena jangan malas, aok [awak] periksa kena dapat keputusan yang cemerlang”. Jadi masa darjah lima pak cik macam belajar dan fokus semua. Tak sangka. masa tu penilaian darjah lima. Ayah pun cakap “macam mana kau boleh dapat empat A satu B? sedangkan periksa [sebelum ini] nombor 30, 40.”. Nampak tak? Kadang-kadang kena cari satu benda yang menyebabkan kita nak pergi kerja. Kenapa kita nak pergi sini? Mesti ada satu benda yang mendorong kita, inspirasi. Mungkin adik-adik belajar kerana ibu bapa dan sebagainya. Tapi kebetulan masa tu cikgu tu mungkin dia pandai “Man Kayan ni ada potensi tapi dia malas, dia banyak main-main.”. Dia [cikgu] Nampak mungkin dari situ [potensi]. Dapat masuk sekolah. Maktab tentera tu tak dibenarkan *lah*

. pak cik sekolah menengah sains, Negeri Sembilan. Pak cik pun macam, “macam mana aku boleh masuk sini?” (ketawa). pak cik tahulah. Kita tahu *level* [tahap] kita, nakal dengan kawan sekolah pun “macam mana Man darjah lima tiba dia pusing [tiba-tiba dapat keputusan yang membanggakan].”. kadang-kadang kita tak boleh jangka hidup seseorang. Soalan dah bertanya begitu, jadi pak cik cerita sebenar, bukan reka-reka cerita. Kalau tanya group WhatsApp sekolah pun memang Man Kayan macam tu.

NA : Sekolah rendah nama apa?

NAN : Sebab pak cik ni anak askar, dua kali tukar sekolah. Mula-mula di Kluang, Johor sampai darjah tiga. Darjah empat tu di Port Dickson. Kemudian masuk sekolah menengah sains tu ditinggalkan. ayah tetap pindah. Tapi sudah duduk asrama *kan*. Itu kisahnya. Tapi bila sekolah menengah *still* [masih] main bola. Daripada situ kita lagi bebas nak bersukan sebab petang memang dah disediakan masa untuk bersukan. Petang

tak boleh nak tidur dekat hostel jadi bersukan dan sebagainya. Itulah *carrier* [kerjaya] pak cik bermula.

NA : Apakah matapelajaran yang paling diminati?

NAN : Walaupun pak cik sekolah menengah sains, pak cik meminati pelajaran yang berbentuk sastera. Dan terus terang fizik, biologi, kimia, *addmath* [matematik tambahan], kecundang. Kecundang tu maksudnya cukup makan. Kalau kecundang kena buang sekolah *kan*

. Tapi cukup makan. Tapi subjek Sejarah, BM [Bahasa Melayu], Geografi, agama, score A1 (ketawa). Jadi, nampak tak, salah pilih sekolah (ketawa). Patut pilih sekolah aliran sastera. Kena jadi sasterawan ke. Tapi biasalah orang tua-tua, “deras [cepat] sekolah menengah sains.”. belum tentu lagi anak dia minat sekolah menengah sains. Tapi kita tak tahu. Kita hanya mencuba. Dan tidaklah menyalahkan sekolah sains. Sains penting dalam kehidupan. Cuma nak tahu kisah di sebalik anak seni. Kalau sama macam cerita orang tidak *best* [seronok] pula. Hidup ni tiada seni tiada seri. Subjek yang minat Bahasa Malaysia [Bahasa Melayu] (ketawa). Senang je.

NA : Siapakah guru yang paling diingati semasa zaman persekolahan?

NAN : Tentunya guru Bahasa Malaysia [Bahasa Melayu] pak cik. Sebab dia seorang yang memuji karangan pak cik. Tapi pak cik dah lupa nama dia (sambil menggaru kepala). Dia cikgu perempuan. Sebenarnya cikgu semua adalah yang terbaik. Mereka menjalankan tugas. Tidak ada pilih kasih dan sebagainya. Cuma bila subjek itu [Bahasa Melayu] pak cik semangat nak masuk kelas. Dan di sekolah menengah tidak apa-apa gosip. Maknanya sekolah rendah sudah habis [berkenaan gosip] masuk *form one* [tingkatan satu] sudah masuk buku baru. Pelajar perempuan yang digosipkan dengan pak cik tu dia dah masuk MRSM [Maktab Rendah Sains MARA]. Kami sudah terpisah dan istilah cinta monyet itu betul. Masa sekolah rendah, sekolah menengah

tidak ada. Masa sekolah menengah ni pak cik aktif bersukan. Masa sekolah rendah, pak cik olahragawan sekolah.

NA : Apakah persatuan kelab yang pak cik pernah sertai waktu belajar?

NAN : Persatuan yang pak cik minat tu *lah* [sastera]. Persatuan Sejarah, Persatuan Sentosa Kelab Budaya, sekolah menengah. Dari situ kita dah belajar dah nampak. pak cik pun perasan. Di sekolah asrama penuh ini mereka ada *band* [kumpulan] dia sendiri. Ada kelab muzik dan pak cik juga pemain gitar tapi tak menyanyi. Main gitar sampai form five (tingkatan lima).

NA : Apakah pencapaian terbaik pak cik pernah perolehi sepanjang belajar?

NAN : Untuk makluman, pak cik terhenti sampai form five [tingkatan lima] sahaja. Apabila pak cik sampai tingkatan lima, ayah bersara daripada tentera, dengan adik-beradik ramai, pak cik anak sulung. Jadi ketika itu, pak cik balik kampung, “Ayah saya dapat *result* [keputusan] macam ni yang melayakkan saya untuk menyambung pelajaran.”, tapi masa tu susah. Tidak ada duit nak pergi hantar kau belajar, dengan adik-adik lain lagi nak --. Tapi pak cik tidaklah kecewa sebab masa tu telah ditawarkan kerja sambil bersukan. Jadi kita nak dengar ayah kita cakap apa sahaja. Tak payah sambung belajar. Orang lain mesti sedih “ala tak dapat masuk [belajar].”. pak cik “Yes.”. Kerana masa itu ditawarkan untuk bekerja dengan Yayasan Pahang dan mereka tidak ada halangan untuk pak cik meneruskan kerjaya bola sepak. Bersukan la *kan*. Masa pergi temuduga, panel temuduga pun tanya “Kenapa tak sambung belajar?”. Jadi ceritalah keadaan yang sama, adik-beradik ramai. Kebetulan keluar dari mulut pak cik tu, “takpelah [tidak mengapa] kerana saya dapat kerja Yayasan Pahang, kita jaga bahagian biasiswa, saya sambung la belajar.”, kononya ketika itu. Sebab memang pak cik menjaga unit biasiswa. pak cik berkhidmat sebagai kerani dan semua pelajar-pelajar Pahang ni kenal sebab generasi pertama Yayasan Pahang tu di kompleks sekuntum sebelum berpindah ke bangunan baru. Teruslah tentang kerjaya. Boleh

terus? Tentang kerjaya. Tapi lima tahun sahaja pak cik bekerja dengan Yayasan Pahang kerana ketika itu ada perasaan untuk kembali ke Temerloh. Sebab pak cik lahir di Temerloh tapi tidak dibesarkan sangat dengan suasana dan budaya di Temerloh. Kebetulan pengurus besar Yayasan Pahang, dia kata, “Man kau kalau ada kerja bagus-bagus sikit pergilah *apply* [mohon] result kau ok [keputusan baik] ni *kan*. Kau main sukan, sekarang bank tengah cari orang yang atlit.”, Jadi *try* [cuba] isi borang Mybank, Hong Kong Bank. Ni masih dalam skop soalan? Boleh cerita ye? Interview tu dua. Satu kena di Kuala Lumpur tak pergi. Satu kena di Temerloh, Hongkong Bank. Jadi berhenti kerja Yayasan Pahang lima tahun dan setelah berkahwin, bawa isteri tinggal di Temerloh. Bekerja sambil mewakili bank di kejohanan pertandingan di antara bank-bank Malaysia dan sebagainya. Tapi dapat duduk di kampung. Merasa balik zaman-zaman bila tengok anak-anak main paya di kampung. Tapi kita anak askar. Kita tak dapat rasa [main paya]. Dari situ mula tengok orang buat patin [ikan patin], mula mandi sungai. Sebenarnya masa tu dah kahwin dah. Curi-curi masa untuk apa yang kita terlepas masa zaman kecil kita di kampung, supaya nanti dah tuan anti kita tidak malu nak bercerita pada anak cucu, ayah Man ni takut mandi sungai, berkubang dalam paya. Masa kita dah kahwin. Nampak tak, kita kejar balik masa kita yang hilang dulu. Mungkin kita duduk asrama dulu kita rasa duduk suasana kampung bagaimana. Anak-anak pergi lastik burung, main pondok-pondok, berkemah. Masa tu dah kerja bank tu kejar balik.

TAMAT BAHAGIAN B

C) LATAR BELAKANG KERJAYA AWAL TOKOH

NA : Di manakah tempat pak cik mula-mula bekerja?

NAN : Yayasan Pahang, kemudian berkhidmat dengan Hongkong Bank Malaysia selama 15 tahun. Tapi Letak jawatan sebab perlu ditukarkan di Kuala Lumpur. Sebenarnya pak

cik tidak suka sangat dengan kehidupan yang sesak. Mungkin jiwa-jiwa seni tu sudah lahir ketika itu dengan *jammed* [tersekat] lagi semua. Sebab ketika itu, Hongkong Bank ini foreign [asing] bank. Dia [bank] tidak boleh buka cawangan yang banyak. Dia terpaksa tutup yang Temerloh sebab Mentakab sudah ada. Jadi yang *staff* [pekerja] Temerloh ni kena pergi merata tempat. Kiranya di Kuantan tak dapat. Saya cakap dengan orang rumah “Kita berhentilah bekerja. Saya nak jual nasi lemak je *lah* [sahaja]. Jom kita jual nasi lemak.”. Sebab kebetulan masa tu bapa mertua sudah *offer* [tawaran] tanah di sini pdi Temerloh]. pak cik ketika itu sudah beli rumah di Temerloh, tapi tidak selesa dengan kawasan perumahan. Masa tu nak duduk di situ. Kita orang minat dengan bunga. Seluruh Lorong kita orang tanam pokok bunga, hias. Tapi masih lagi tak cukup. Tak sampai. Kepuasan tak sampai. Dari situ kita dah rasa, kenapa kau buat ni? Daripada perumahan, kalau tanya orang lorong tu *kan*, “Man yang tolong hiaskan taman, tanam pokok, tanam pokok bunga semua bagi cantik.”. Sebab di kawasan itu tidak ada kambing. Tolong siram bila hujung minggu, tolong jaga, tolong baja. Lorong tu nasib baik tidak Panjang, ada dalam lima lima [rumah depan dan rumah belakang] menghadap. Satu lorong tu pak cik yang jaga. Bila [jiran-jiran] dengar pak cik nak berhenti [kerja], nak pindah rumah balik Kuantan, diorang [mereka] pun macam sedih, “Siapalah nak jaga lorong ni.”. Kita pun memulakan perniagaan pada tahun 2000. Orang rumah [isteri] suka sebab dapat balik semula ke [Kuantan], setelah 15 tahun di Temerloh. Pulang balik ke kampungnya.

NA : Berapa lama pak cik bekerja di situ?

NAN : Yayasan Pahang lima tahun. Selepas itu 15 tahun di Hongkong Bank. Seterusnya kerja macam ni *lah* [dalam bidang seni muzik]. Yang selebihnya kerja sendiri. Berniaga, lepas itu macam-macam kerja yang pakcik buat sebenarnya. Masa berhenti tu agak susah sebab kita sudah biasa diajar dengan makan gaji. Ada masa lapang pak cik tolong orang buat rumah. pak cik buat semula kerja-kerja kampung. “Man, tolong tebang pokok.”, tolong tebang pokok. Sebenarnya pak cik lebih suka kerja-kerja yang macam ni. Kita tidak sangat jadi bos ke. Sebenarnya ada benda lain yang kita cari. Falsafah-falsafah dalam kehidupan. Kalau kita terlampau tinggi kita tak nampak. Kita

kena turun balik kebawah. Tapi sebenarnya tidak *lah* dirancang untuk jadi macam ini (sambil tunjuk ke bawah). Tapi mungkin telah ditakdirkan. Kita kena lalui. Lepas ujian ni kita akan dapat ujian ni. Bila kita melalui dengan keadaan yang tenang, denagan kita dapat menyelesaikan dengan cara kita, dengan emosi yang terkawal kita boleh buat dengan cara yang lebih susah lagi. Yang paling jangkauan nya bukan senang nak hidupkan musik tradisional di zaman orang sudah tidak tengok. Tapi sebenarnya perasaan kita. Sebenarnya orang nak tengok, tapi apakan daya orang-orang dulu macam kita juga.sibuk kerja sana, kerja sini. Jadi nasib dia tidak macam kita. Kita boleh olah, tapi dah ditakdirkan Man Kayan macam itu dan berani. Nak berhenti kerja bank bukan senang, pergilah kerja dekat KL tu. Orang pandang [pandang ke atas dan menjeling]. “Dulu dah kerja pakai *tie* [tali leher] semua, tempat sejuk.”. Dia tak tahu kita demam. Pergi kerja nak minta MC [cuti sakit] la. Sebab ada benda lain [minat lain] dan kita nak bebas.

NA : Apakah sumbangan pak cik sepanjang berkhidmat di tempat tersebut?

NAN : Sumbangan tu kita tak boleh cerita. Tapi kita tidak dibuang kerja, kita tak pernah dipecat, kita digaduh [tidak pernah digaduh]. Maknanya kita buat kerja tiada tindakan disiplin, itulah sumbangan kita rasanya. Kalau nak cerita sumbangan dalam bentuk anugerah, tidaklah. Tidak ada sangat. Tapi saya berhenti kerja, bos tetap buat majlis perpisahan. Maknanya dihargai. Kalau setiap harijadi [pekerja], buat majlis kecil-kecil. Sebab sumbangan kita tu, kita bekerja dapat gaji, terbaiklah. Kalau kita menjatuhkan syarikat kita, pecah Amanah, dan sebagainya. Itu kita tidak menyumbang apa-apa, bagi pak cik.

NA : Adakah pak cik ada melakukan pekerjaan sampingan lain?

NAN : Sampingan lain, masa kerja dulu tidaklah. Masa tu pendapatan sudah mencukupi. Tapi masa pak cik kerja sendiri, meniaga, adalah kerja-kerja sampingan yang dilakukan. Satu lagi buat bangunan, tanam rumput, landskap *kan*. Sebenarnya lebih

kepada hendak mengetahui. Macam mana orang buat simen bero? Tolong orang buat meja. Jadi sekarang boleh buat sendiri. Macam mana orang buat kerja-kerja landskap? Macam mana dia tanam pokok? macam mana dia tanam rumput, dan sebagainya? Aku ada idea tapi kerja *basic* [asas] tidak tahu lagi. Tanah apa yang sesuai? Sekolah kita tak belajar bidang itu. Cuaca macam mana? Macam mana nak siram? Pokok yang berbunga dekat mana eloknya [ditanam]? Pokok berdaun dekat mana sesuainya? Tapi Ilmu itu diperolehi daripada tukang kebun. Tolonglah orang buat landskap sebagainya. Jadi terhasil seperti yang ada di luar sana. Bukan belajar di sekolah. Bukan belajar ketika Yayasan Pahang. Bukan belajar di bank. Tapi melalui hidup kehidupan.

NA : Adakah pak cik yang membuat keputusan sendiri daripada pekerjaan tersebut?

[bunyi enjin motosikal]

NAN : Yang pastinya keputusan bila kita sudah berkeluarga, isteri *lah*. Kita hanya mencadang. Memang orang lelaki, keputusan muktamad tu pada dia. Ada kuasa veto itu pada dia [suami]. Tapi apabila ianya ada hubung kait dengan orang yang kedua, maknanya isteri kita la *kan*. Sehati sejiwa. Kita dah janji macam tu. Kita dah buat keputusan bersama sebab ianya akan memberi kesan kepada anak-anak kita. Kalau kita sudah bersetuju ia adalah masalah "*you* [awak] *lah*. *I* [saya] dah *told* [cakap] *you already not* [awak sudah tidak] ---". tak nak benda tu timbul kemudian hari, salah menyalah. Maksudnya macam kena buat keputusan Bersama dan benda ni perlu dikongsi dengan generasi akan datang. Bila berlalu satu proses, daripada seorang, kita jadi berdua, kita ada anak, kita ada keluarga besar, kita ada persatuan, kita jadi pemimpin, kita jadi perdana menteri dan sebagainya, keputusan kena majoriti supaya kita lebih tenang.

NA : Apakah pekerjaan pak cik sekarang?

NAN : Sekarang sepenuh masa dalam bidang seni. Di samping, pak cik juga menjahit. Menjahit baju-baju persembahan. Kalau ada kelapangan pak cik boleh menjahit untuk orang tempah. Tapi kadang-kadang. Apa benda yang pak cik buat bergantung pada mood. Mood orang-orang seni ni unik. Dia tak pandang sangat “kalau kau buat ni...”. Tapi bila dia fokus, dia akan tinggal benda yang lain. Jadi dia buat atas ada kelapangan, mood dia datang. *Let say* [katakan] dia bosan. Asyik-asyik tengok bunga, dia akan duduk di bilik jahit. Dengan menjahit tu dia boleh jual baju. Boleh mendapatkan hasil dan kalau tidak jual, boleh sewa baju. Macam butik pengantin. Butik pengantin sewa untuk orang kahwin. Macam pak cik, busana tu sesuai untuk ada satu tema pahlawan, dinner, dan sebagainya. Sekolah, nak baca puisi nak pakai baju ala-ala mat kilau, hang tuah. Boleh sahaja sewa sebab pak cik dah wakaf baju itu [baju tradisional yang dijahit] untuk persatuan guna dan disewakan. Boleh pak cik beli kopi, gula, untuk mesyuarat dan untuk bayar keperluan kelab selain daripada persembahan kami yang dibayar. Jadi, gaji pak cik sebenarnya daripada kerja-kerja seni. Selepas tolak segala pengurusan, kami satu persatuan yang ada dana khas. Setiap bulan dapat lima K [ribu], *no* [tidak]. Ada *show* [persembahan] pak cik simpan. Bayar *allowance* [elaun]. Ada lebih sikit beli gitar, beli keperluan, bayar bil api [elektrik], beli pokok bunga, untuk jadikan tempat ini satu lokasi yang boleh disinggahi, tak malulah. Bila adik-adik tengok tadi *kan, okay* [baik] *kan* (sambil menunjuk ke luar). Tidak malu sangat orang tengok. Tidak bau busuk, hapak, buruk, dan sebagainya. Jadi pak cik cuba damaikan dengannya mampu kita [damaikan kawasan kelab semampunya], dan tidak perlu keputusan ramai. Sebab apa, tanah ini tanah pak cik dengan isteri. Jadi korang boleh duduk, atas had dia, aku minta dia berkarya sahaja. Jadi benda-benda lain jangan usik [ganggu] lagi, sebab tanah ini, tanah kami bersama dengan isteri. Kita kena tahu batas kita dalam kehidupan. Sebagai anak, apa anak [batas sebagai anak], sebagai abang apa [batas sebagai abang]. Jadi kita tak boleh semua benda kita nak. Kene tunggu masa yang sesuai. Sekarang, macam adik-adik *just* [cuma] kumpul maklumat. Mungkin dalam satu masa nanti walaupun kita tidak terbabit dengan bidang seni, tapi ketika itu, dah jadi pengarah kebudayaan. Kita dah

lalu proses cerita pak cik ni. Kita kena jaga. Macam itu sahaja, senang. Dalam seni tak semua jadi penyanyi, siapa yang jadi pemuzik? Kalau semua jadi pemuzik, siapa nak angkat barang? Kalau semua angkat barang, siapa nak jaga *mic* [mikrofon], *PA system* [Sistem Pengumuman Awam]? Kalau semua nak jaga *PA System* siapa nak jaga *lighting* [pencahayaan]? Kalau semua buat *lighting* [pencahayaan], siapa yang nak buat kerja-kerja promosi. Tulis dalam surat khabar, tulis dalam buku. Benda-benda ni akan jadi bahan untuk rujukan akan datang. Kalau merangkap satu kerja seni itu je, belum cerita kerja lain lagi, nak buat bangunan dan sebagainya. Sudah ada team, dan team [pasukan] itu tidak boleh semua benda situ [satu pasukan buat satu kerja]. Tapi dia ada pemahaman dia ada ilmu tentang tu. Cuma apa yang dia pandai fokus pada itu. Dia jangan buat-buat pandai, susah.

NA : Bagaimana pak cik boleh menceburkan diri dalam kerjaya sekarang?

NAN : Benda ini di luar jangka. Sukar untuk kita ramalkan kalau sudah jodoh kau dengan mak cik tulah. Walaupun pada awalnya kau minat pada orang lain. Cuma telah ditentukan oleh-Nya. Senang. Itu jawapan yang paling *safe* [selamat]. Tidak pernah meramal. Tapi impian pak cik buat sesuatu kerja yang memberi manfaat kepada masyarakat, tidak menyusahkan diri sendiri, dan kalau dapat bahagiakan isteri; anak-anak, dan kawan-kawan, itu satu yang tidak ternilai. Adik-beradik tidak malu mengaku, “Man Kayan dia penyanyi, tapi dia bukan ---”. Kita kawan, kita satu benda mereka boleh terima, sebagai abang suka-suka.

NA : Apakah pandangan kenalan rapat pak cik, setelah pak cik membuat keputusan menukar bidang pekerjaan?

NAN : Kenalan sebenarnya ramai. Pak cik ini memang dilahirkan untuk menjadi semacam [seperti] *leader* [ketua]. Menceritakan tentang bab sukan tadi, bila pak cik sudah bersara kerja. Sudah tidak main bola sebab majikan, dengan masyarakat sekeliling, ketika duduk si sini. Pak cik menguruskan satu pasukan futsal. Yang mana segala

makan dan minum dia, nak bayar duit penyertaan masuk kejohanan. Kejohanan ini ditanggung oleh hasil pendapatan pak cik dengan itu [isteri]. Ketika itu isteri pun selesai dengan kawasan sentiasa meriah. Bila pak cik melibatkan diri dengan kegiatan belia ini, belia-belia ini juga yang akan datang kedai kita. Okay, let say [katakan] kita kawan dangan anak dia [belia-belia], bapa, mak dia akan datang kedai kita juga. Mereka ini juga yang jadi pelanggan kita, yang membantu kita dari segi duit. Walaupun kita tidak minta budak itu [anak belia-belia], “kalau masuk kelab ini, bayar.”. Tapi dari segi kerja kita itu, kawan-kawan yang belia itu akan datang kedai kita. Sebenarnya itu pendapatan kita untuk membantu belia itu. Dia berpusing. Nampak tak? Dia satu putaran. Kadang-kadang kita kata, “kenapa kau tak panggil [orang lain datang ke kedai].”. Tidak, jangan bimbang. Dengan kehadiran dia, kawan-kawan dia, mak bapak [ibu bapa] dia semua akan datang. Yang itu akan menyumbang kepada ekonomi kita, dan bila kita senang, ekonomi kita juga disalurkan balik kepada budak-budak [anak-anak belia] itu. Dan pak cik Berjaya bawa pasukan futsal itu nombor empat, peringkat kebangsaan. Kelab-kelab kebangsaan di Bukit Jalil. Maknanya, pak cik ni ada satu benda [ada suatu matlamat]. Kalau nak buat tu *kan*, alang-alang mencelup pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Jadi korang nampak satu benda tu, kalau kita nak bersara biar kita berada di persada. “Kenapa Man Kayan tak buat dah?”. Sudah balik ke Pahang masa tu. Budak-budak yang main dengan pak cik tu Pahang ambik [ambil], main luar negeri. Ada yang Malaysia mewakili Malaysia. *Team* [pasukan] futsal kampung ni asalnya. Tapi cara pak cik ajar tu macam ni *lah*. Falsafah dan sebagainya *kan*. Jadi pak cik pun macam asuh benda bidang lain nak buat tu. Tinggalkan team tu, main motor klasik pulak [pula]. Uruskan motor klasik selam lapan tahun. Sebab ada benda lagi, “aku masa kecik tak dapat main motor la. Tapi tak nak main motor yang muda-muda ni. Umur dah macam ni [umur sudah tua]”. Teringat masa ayah aku pakai motor honda lama, vespa. Jadi masa tu, zaman tu meriah. Pak cik juga *lead* [memimpin]. Dan bersara bila dah acara pun dah berkurangan. Tapi kita dah jelajah seluruh Malaysia *kan* dengan motor buruk kita *kan*. Tak malu *kan*. Cuma tidak pergi Sabah, Sarawak je la, sebab nak kena naik kapal. Tapi tak malu dengan keadaan motor macam tu, tapi kita lepas. Motor baru pun belum tentu lepas lagi. Tapi sebab beramai masa tu. Tak tercampur aduk ke soalan ni?

NA : Tak [tidak].

NAN : Jadi okay [baik] *kan*. Dari situ motor. Pastu [lepas itu] setelah berakhir era motor, baru menumpukan pada kerja seni. Sebab macam saya kata tadi, ada benda [matlamat]. Mungkin lepas ini nak bersara. Tak tahu, kita tak boleh amal *lah*. Tapi yang pentingnya jika tidak memudaratkan, atau menjolok mata. Dan pak cik rasa apa yang pak cik buat selama ini okay *kot*. Sebab diterima orang kampung. Tidak ada orang kampung halau kata bising, memekak. Ada orang jemput [persembahan]. Macam adik-adik ni sudi datang *kan*. Rasa betul *lah* *kot* [mungkin] pilihan ni. Kalau buat benda yang [ketawa], benda lain buat apa datang rumah dia [Man Kayan] ni. Jadi kita tidak kata kita bagus, tapi kitab oleh agak dengan kehadiran ni, ataupun nak temu bual. Rasa-rasanya okay [baik] *kot*.

NA : **Apakah persiapan awal yang pak cik lakukan sebelum memulakan pekerjaan sekarang?**

NAN : Sebenarnya benda ini tidak dirancang sangat. Sebenarnya apa benda yang kita nak rancang tu, kita hanya merancang, tuhan menentukan. Tapi persiapan awal, mental. Bila mental kau dah kuat, apa sahaja kau nak depan tu, kita dah berserah ya. Berjaya atau tak berjaya aku dah pergi. Kalau dari segi teori, aku dengar, tapi aku nak merasa dulu. Nak merasa, dan kena ada semangat pahlawan. Pahlawan tu ada pada semua orang, tak kira lelaki atau perempuan. Kalau perempuan dia panggil srikandi. Ibu pun srikandi juga. Sekali dia menjerit, dengan suami dia tumbang. [Ketawa]. Bukan sahaja anak dia, masih --. Srikandi [ketawa]. Suami dia tumbang dengan jiran-jiran pun tumbang, lagi hebat [ketawa]. Dia semangat tu semangat. Kental. Jiwa kena kental. Hidup ni keras sikit [ketawa]. Ayat yang biasa kita dengar.

NA : Apakah yang menjadi penyebab utama pak cik kekal di pekerjaan sekarang?

NAN : Tiada pilihan dalam usia sebegini. Dan kedua sokongan daripada isteri, anak, sedar-mara, adik-beradik, kawan-kawan. Buat apa kita nak lari. Kecuali kita dicemuh, sampah masyarakat sebagainya, kita Insaf *lah kan*. bertahan ni selagi man orang terima kita *lah* seadanya. Dan kedua selagi kita ada kederat [kudrat] *lah*. Kita tak cakap kita... Bidang seni ni bukan macam kerja kerajaan, umur 60 kena bersara. Maknanya, P. Ramlee tu sampai akhir hayat dia, dia masih lagi berkarya. Jadi, kerja-kerja yang macam ni dia tidak ada had umur. Berkarya ni tak semestinya menyanyi semua. Kadang-kadang kita tunjuk ajar dalam kehidupan anak-anak kena berseni cakap dengan orang tua, dengan kehidupan melayu. Itu satu seni. Itu pun berkarya juga tu. Selalu bila sebut berkarya orang sebut tarian budaya, tarian, nyanyi. Tak. Budaya ni luas. Memasak pun ada seni dia juga. Cara kita jadi mak pun kena ada seni juga. Cara jadi anak pun kena ada seni. Kena buka [cari] seni tu, apa maksud seni. Bukan bila sebut budaya je, tarian. Tak (sambil menggeleng kepala). Budaya dalam main bola sepak pun kena ada seni dia juga. Cara nak buat bola pusing macam ni (sambil membuat gaya dengan tangan). Cara tak perlu tendang kuat tapi bola masuk. Cara kita (sambil membuat gerakan seperti penari) tipu helah pemain dengan Gerakan badan kita macam penari itu pun seni. Seni di mana-mana.

NA : Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan di tempat kerja dahulu?

NAN : Sebenarnya yang tidak dapat dilupakan, bila kita sudah melalui fasa tu. Contoh masa sekolah rendah tu, mungkin kita rasa, "Ala bila la aku nak habis, tak nak sekolah, tak nak bangun pagi.". Bila kita dewasa kita rindu saat-saat itu. "bestnya zaman kanak-kanak.". Jadi, benda yang soalan macam tu, pak cik jawab semua benda yang kita lalui pada peringkat awal tu macam menyeksakan. Tapi setiap yang menyeksakan. Setiap yang kita jatuh tu, disitu lahirnya jawapan yang amat berharga yang tidak dapat orang lalui. Contoh kita pernah susah *kan*, daripada kita dah ni *kan* [senang]. kita dah senang tapi kita susah sangat. Lepastu [selepas itu] kita buat *comeback* [kemunculan

semula]. Sebenarnya kita buat *comeback* [kemunculan semula] itu *kan*, orang lain tu tidak dapat rasa. Kita dah memegang satu benda yang amat berharga dalam kehidupan kita. Kunci. Ada eloknya kita kena kongsi kepada orang. Tapi dengan perasaan yang tidak riak dengan bangga kita kena kongsi hidup ni. Kena ada cara la. Kita bercakap tu, kita kena ingat. Kita tidak sentiasa dekat atas. Ada masa kita di bawah. Dan untuk ajar kita, kita kena belajar. Walaupun kita sudah kaya, kita saja duduk rumah, susah-susah. Susah *kan* diri. Kita cuba macam main motor klasik. Sebenarnya nak pergi mana boleh je beli motor yang bagus-bagus, tapi tak *best* [seronok]. Kenapa aku nak pilih motor klasik. Padahal ada je duit nak beli motor superbike ketika itu. Nak beli motor yang boleh laju sampai. Tapi kenapa pilih klasik. Sebab aku nak kasi [bagi] susah. Dalam [kelab] motor klasik aku tu, aku nampak orang yang macam ni, golongan-golongan macam ni main dalam tu. Jadi kita nak rasa macam mana kegemilangan orang dulu-dulu mengembara dengan motor-motor lama. Yang tu kita dapat rasa.

TAMAT BAHAGIAN C

D) PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI MUZIK TRADISIONAL

IS : Berkenaan penglibatan encik dalam bidang muzik tradisional, sejak bila timbulnya minat encik bermain alat muzik tradisional?

NAN : Untuk main bidang seni ni [ini], kenapa benda [seni] tu [itu] tertinggi kita dah kaji dah *kan*, kenapa benda-benda [merujuk kepada seni] tu [itu] dah susah, laluan dia susah, *so* [jadi] kita kena siapkan dari segi mental *lah*. Kalau tengok cerita ibu mertuaku tu [itu] *kan*, “kenapa kau tidak jadi lawyer [peguam], majistret, doktor? Kenapa kau jadi ahli muzik?”. Orang dulu [dahulu] pun dah nampak macam jalan seni ni [ini] tak [tidak] berapa senang *lah*. Tapi tidak dinafikan ada yang senang *kan*. Tapi macam pak cik ni [ini], berkarya mengejar kepada kepuasan. Kepuasan berkarya

ni [ini] lain. Susah...sukar untuk diramalkan. Kadang-kadang orang tu [itu] saja dia buat hidup dia macam tu [itu], dia boleh je [sahaja] pergi nampak macam tu [itu] tapi dia tak [tidak] selesa. Kadang-kadang dia rimas juga jadi *public figure* [merujuk kepada orang yang dikenali ramai] *kan*, jadi perhatian sangat, dia rimas. Dia tak [tidak] suka sangat orang bergambar sangat, dia buat tu [itu] untuk dia, ada. Ha, itu seni untuk diri sendiri. Cam [macam] pak cik ni [ini] rasa seni ni [ini] mudah biasa berkawan. Dengan seni ni [ini], pak cik dapat ramai kawan. Pak cik boleh pergi ke sana ke mari dengan seni ni [ini] sebab di jemput mengadakan persembahan, bukan saja dalam negeri Pahang, di luar Pahang dan juga di luar negara. *So* [jadi], benda [merujuk kepada seni] ni [ini] tidak menyusahkan *lah*. Dan sampai ditempat kejadian ataupun tempat acara, disambut dan diraikan. Jadi, pak cik rasa tak [tidak] salah pun buat benda [merujuk kepada seni] ni [ini]. Pak cik pun cakap dengan isteri *kan*, "masa saya kerja bank dulu, saya tak [tidak] bawa awak gi [pergi] melancong *kan* ke luar negara?". Dengan seni ni [ini], sebab anak pak cik ubah semua. Walaupun diorang [mereka] tidak *lah* dalam bidang ni [ini] sepenuh masa, tapi masa kecil tu [itu] diorang [mereka] main gendang, mana yang boleh ni [ini] *kan*. Dapatlah kita melancong bersama-sama di samping kita, orang raikan, sediakan hotel dan sebagainya. *Kan* aeronok? Buat seni tu [itu] sepuluh minit je [sahaja] atas pentas, selebihnya [ketawa] bergambar *lah*, makan *lah*, rasa *lah* apa yang boleh dikenang melalui naik kapal terbang. Kalau kena gayanya, kalau kena rentaknya, kalau kena betul caranya tu [itu], dapat. Insha Allah dapat (mengangguk). *So far* [setakat ini] nampak *happy* [gembira] je [sahaja] *kan*? Cerita sedih-sedih, nangis-nangis, taknak *lah* [tidak mahu]. Kalau rasa sedih, jangan pilih bidang ni [ini], jadilah bomba. Senangi juga ke nasab. Semua bidang mencabar sebenarnya.

IS : Siapakah yang mula-mula mendedahkan muzik traditional ini kepada encik?

NAN : Kalau secara logiknya, adik-adik siapa yang perkenalkan? Sebenarnya yang kenalkan tu [itu] orang dalam TV [televisyen] *lah kan*. Dia perkenalkan kita, orang main kat [dekat] majlis kahwin. Dia perkenal *kan* kita cuma kita tak [tidak] tahu masa bila yang kita mula main benda [merujuk kepada alat muzik] yang kita kenal. *So* [jadi]

bila pakcik kenal tu [itu], sejak pak cik dah boleh menilai benda [merujuk kepada alat muzik] itu sedap di dengar atau tidak. Maksudnya, daripada kecil kita dah dengar orang main kompang, “sedapnya main kompang”. Tapi bila kita akan main? Belum lagi. Betul tak [tidak] Pakcik diperkenalkan daripada kecil? Diperkenalkan dengan nasi sejak dah berhenti susu. Logik tak [tidak] jawapan pak cik? (mengangguk) Diperkenalkan, dipertontonkan, maknanya diperdengarkan orang azan sejak daripada lahir. Sebenarnya apa yang diperkenalkan dari pak cik ni [ini] adalah dunia kita cuma kita di antara insan-insan yang terpilih *lah*. Kau jadi doktor, kau jadi ni [ini] *kan*. Tapi benda [merujuk kepada apa lagu, syair, puisi dan sebagainya] yang dengarnya, budak kecil *lah* dengar *kan*. Orang-orang nyanyi lagu-lagu tradisional *kan*? Tapi tak [tidak] tahulah lepas diperdengarkan, dipilih pula di temuduga oleh orang tu [itu]. Ha, nasib *lah*, rezeki *lah kan*. Begitulah kehidupan kita sukar nak diramal. Kita tak [tidak] boleh nak rancang ni [ini] sangat, tak [tidak] boleh rancang. Tapi benda [merujuk kepada seni] tu [itu] kita terima seadanya, kita terima sakit peningnya, itu *lah* kehidupan kita sebagai manusia. Lalui dengan tenang *lah*. Kita dah bina dunia kita. Mungkin kita *kan* sebab sakit pening kita dah tanggung bersama. Sebab tu [itu] yang... anak seni yang bersendirian dia nampak dia sukar, dia *struggle* [berjuang] nak lepas diri daripada banyak masalah. Tapi *advantage* [kelebihan] macam kami ni [ini], berkumpulan. Dalam dunia kita ni [ini], kita ada banyak tenaga professional jugak [juga]. Dalam Kelab Serindit ni [ini], kita ada Profesor Madya, Doktor, tu [itu] alat muzik dia (sambil menunjuk ke alat muzik) nampak tak [tidak]? Nak kata kelab serindit tu [itu] kolot saja [sahaja], eh Profesor Madya tu [itu] tau [tahu], UIA [Universiti Islam Antarabangsa] tau [tahu]. Kita ada pensyarah-pensyarah, kita ada guru-guru, kita ada orang yang takde [tidak ada] kerja, kita ada penganggur. Kita juga ada pengutip sampah. Dengan kehidupan dia macam tu [itu] *kan*, kita nampak *mind* seni *treasure* [merujuk kepada orang yang memburu khazanah seni] ni [ini], orang-orang *low-class* [kelas rendah]. *Sorry to say* (ketawa).

- IS : Apakah sebab-sebab utama yang membuatkan Encik berminat dan bertekad untuk bekerja di dalam industri seni muzik?
- NAN : Sebab utama dia takde [tiada] apa-apa pun sebabnya nak bebas daripada segala ikatan kerja *kan*. Yang kedua, nak rasa apa yang kita tak [tidak] rasa dalam kehidupan dan anugerah dan bakat tu [itu] ada. Dari sekolah tu [itu] dah rasa dan kenapa aku memilih jadi setiausaha budaya *kan*. Bila dah sampai usia macam ini, aku buat yang aku buat masa kat [dekat] sekolah dulu [dahulu]. Ada juga kawan-kawan sekolah datang sini kata tempat ni [ini] santai tapi hakikatnya aku kena cecah sana cecah sini. Nampak macam *jealous* pula (ketawa). Kita takde [tiada] *lah* terikat sangat, kita boleh susun jadual kita waima patut semalam buat *kan* [merujuk kepada temu bual]. Dengan bangganya “Maaf saya semalam *busy meeting* [sibuk mesyuarat] di Putrajaya, boleh *postpone* [tangguh] hari ini tak [tidak]?”. Kalau kita kerja bawak orang, “sorry [maaf] aku kena pergi juga *lah* sebab aku nak bereskan [siapkan]” (sambil membuat gaya badan mengenai sesuatu urusan). Adik-adik semalam patut temujanji kita *kan*? Tapi nampak tak [tidak], ada *power* [kuasa] *kan*? Benda [merujuk kepada seni] itu macam ada nilai *kan*? “Kau nak benda [merujuk pada seni] aku ni [ini] mahal, kau kena sabar”. Sebagaimana kita nak dapatkan ilmu susah. Susah tau [tahu] nak dapatkan ilmu-ilmu lama ni [ini]. Banyak perlu pengorbanan. Kalau contoh dulu-dulu [dahulu-dahulu], ini cerita sikit *lah* ya. Nak belajar siat dengan Tok Guru itu *kan*, sebulan tak [tidak] belajar lagi kita kena tolong Tok Guru tu [itu] angkat air, kerja kat [di] ladang dia, belah kayu api. Itu antara anak murid yang terbaik *lah*. Begitu juga dengan ilmu macam ni [ini] nak dapat pun susah. Asai *kan* dia berbentuk ilmu *lah*. Kita kena belajar pengorbanan, tak [tidak] tidur malam, baca buku semua itu *lah*. Semua ilmu susah cuma ilmu kami ni [ini] takde [tiada] di IPTA [merujuk kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam]. Kesenian lama ni [ini] pergilah mana *kan*, takdelah [tidak ada]. Bila tanye kat [dekat] ASWARA pun, diorang [mereka] tak [tidak] dapat yang macam ni [ni], yang pure [tulen] melayu itu *kan*. So [jadi], kena masuk dalam dunia melayu tu [itu] sendiri, kena kaji balik budaya orang melayu ni [ini], makan minum dia *kan*, nenek moyang kita dulu [dahulu] bercerita. Kalau cerita pasal kebudayaan ni [ini], kita terdengar-dengar macam nenek kita masih lagi bermain padahal kita tengok

nenek kita main dulu masa kecil pastu [selepas itu] bila main dengan benda [merujuk kepada alat muzik] ni [ini] *kan*, kita rasa macam kita rapat je [sahaja], berdamping rapat je [sahaja] dengan benda [merujuk kepada seni] ni [ini]. Bukan *lah* sesuatu benda [merujuk kepada makhluk halus] tapi kita mengingati *lah*. Tidaklah kata dirasuk, tidak. Cuma kita bangga dengan apa yang dimain oleh nenek moyang kita yang menjadikan kita orang melayu. Warisan pun kesenian orang melayu *kan*. Kita tak [tidak] tahu dekat dengan warisan gendang. Ada sikit [sedikit] dari segi persembahan budaya tu [itu] biasa *lah kan*. Kita kaji sejarah melayu itu sendiri ya, perkahwinan campur, kemasukan islam dan sebagainya.

IS : Pada umur berapakah Encik mula bergiat aktif dalam seni muzik tradisional Pahang?

NAN : Selepas 40 [empat puluh] *lah*. Selepas bebas daripada tekanan kerja sebab untuk kerja-kerja seni ni [ini] kita tak [tidak] boleh buat dia kerja sampingan. Dia akan menghasilkan satu benda yang macam (menunjuk riak muka kurang bagus), sedangkan orang di luar sana nak benda [merujuk kepada seni] yang macam meletup, hebat. Tapi belum tentu dibayar (bunyi kenderaan) lumayan *kan* tapi bila kita main tu [itu] orang tidak pernah rasa benda ni [merujuk kepada alat muzik] biasa-biasa. Jadi untuk kearah itu, sebagaimana kita nak jadi Profesor, nak jadi cikgu, kita kena buat *homework* [kerja rumah], kajian. Jadi untuk buat kajian tu, pak cik kadang-kadang *miss* [tertinggal] waktu bersama kawan-kawan sekejap. Kadang-kadang datang ilham *kan*, orang nak tidur kita berjaga dulu [dahulu]. Mungkin *lah* konsep, strategi. Itu *lah* meja pak cik (sambil menunjukkan kearah meja kerja) cukup *lah*. Dan sebenarnya pak cik ada benda lain. Sebenarnya kalau pak cik *stuck* [buntu] dalam memikirkan benda ini, pak cik pergi pejabat satu lagi, ambil kain jahit. Jahit je [sahaja] apa sahaja baju-baju *kan*, reka je [sahaja] apa sahaja bentuk tanjak itu *kan*, hilang [merujuk kepada kebuntuan]. Lepastu [selepas itu] kalau kata terlampau pening memikirkan tentang ini *kan*, pak cik ada lagi satu tau [tahu]...menghasilkan lagu-lagu puisi yang orang tak [tidak] tahu. Selain daripada puisi tradisional ini, pak cik ada hasilkan hobi lain *lah* dikenali dalam dunia sastera di Malaysia ini, antara yang banyak menghasilkan lagu puisi yang orang post [siar] kat *Facebook*. Kadang-kadang orang

kita ni [ini] suka berpuisi tau [tahu], dia tulis kat FB [Facebook] kan. Pakcik tengok ada tulis jalan cerita pak cik. Contoh dia tulis puisi tentang ayah. Semua ada ayah *kan*? Jadi bagaimana luahkan tu pak cik cuba luahkan dalam bentuk lagu. Tapi dua-dua *still* [masih] sama sebab dia ada ayah, aku ada ayah. Cuma dia ada kesungguhan menulis, dan kita ada anugerah untuk melakukan dalam bentuk itu dan secara tak [tidak] langsung kita dapat kawan yang tak [tidak] dapat jumpa sampai sekarang. Ada yang kat [di] Singapura, ada yang kat [di] Indonesia, seluruh kat [di] negara asia pak cik dah ambil banyak puisi. Puisi yang dalam bentuk Bahasa Melayu. Kalau pergi Siam, ada yang kenal Man Kayan dia syair *kan*. Pergi Indonesia ramai, pergi Singapura ramai penyair. Tapi nak jumpa Man Kayan kena datang sini. Pasti mereka tanya, Man Kayan... macam pernah dengar nama itu. Pastu [selepas itu] bila dah kenal, "oh itu *lah* Man Kayan. Dia tidak *lah* sekekok dalam industri seni ni [ini]".

IS : Industri seni mempunyai pelbagai cabang pekerjaan, boleh Encik terangkan mengapa Encik memilih bidang seni muzik tradisional berbanding yang lain?

NAN : Kepuasan...dan sayangnya pada seni melayu tersebut *kan*. Cabang ini maksudnya macam ni [ini], dalam dunia seni ini kita kena ada orang yang...kita tak [tidak]minta semua jadi macam pak cik, esok siapa yang nak buat rancangan seni? Kena *lah* ada perakam video, penulis skrip, dan sebagainya. Kena ada orang macam tu jugak [juga]. So [Jadi], mungkin pakcik ditakdirkan untuk bergelumang dengan benda tu [merujuk kepada seni] betul. Ha...tapi untuk bermain dengan seni bukan satu kumpulan sokongan *kan*? Dia ibaratnya macam ni *lah*, senang nak tafsir, *kan*. Kita pergi dekat kem askar tu [itu], tak [itu] semuanya tukang jaga. Ha, macam pak cik ni [ini] bukan yang ajar *lah*, berjuang mengangkat seni ni [ini] *kan*. Tapi dalam masa yang sama dekat kem tu [itu] ada yang jadi doktor, ada yang jadi kerani, ada tukang masak, ada yang *repair* [baiki] kapal selam, *repair* [baiki] kapal terbang *kan*? Berbagai-bagai kepandaian pun ada semata-mata untuk...orang yang pergi berperang ni [ini] boleh hidup. Menjahit pun ada...buat baju *kan*. macam pak cik ni [ini], pak cik punya seni (sambil menggayakan tangan), pak cik perlu juga benda-benda lain di sekeliling *kan*. Orang yang buat *report* [laporan], orang yang buat kertas kerja, orang

yang merakam TV [Televisyen]. Bidang seni ni [ini] ibarat macam kem askar itu *lah*. Kita berperang. Dalam kehidupan pun macam itu jugak *kan*. Katakan *lah* adik-adik ni [ini], mak bapak gi [pergi] berkerja. Apa peranan adik-adik kat [di] rumah? Tolong *lah* kemas rumah, jangan *lah* segan [merujuk kepada malas] untuk keluarga kita ini harmoni. Bila raya datang, semua buat macam ini. Masing-masing *kan* dalam satu keluarga...Husin [sebagai contoh]. Semua yang terbabit dengan Husin tu [itu] kena...anak dia ke, ataupun orang gaji duduk situ [di situ] ke, tukang kebun dia ke *driver* [pemandu] dia, kena jaga keamanan, untuk jaga kawasan itu. Begitu juga dengan kerja, kita kerja dengan...JKR [Jabatan Kerja Raya] [sebagai contoh], kena jaga, baik kau *office boy* [pekerja pejabat] ke, jaga ke, kau pengarah ke, kena jaga nama baik JKR [Jabatan Kerja Raya] itu sendiri. Begitu dengan seni. Seni tradisional, apa yang terlibat dengan benda tu [itu] dan orang sekeliling pun kena sama-sama bangga dan jaga. Janganlah kita cakap “oh takyah [tidak payah] *lah* main muzik tradisional orang melayu itu, kita main Korea *lah*”. Itu melayu. *So* [Jadi], macam rapat, kita kena saling menyokong *lah*. Kalau kita tak [tidak] pandai bidang ini, kita jumpa geng-geng seni itu, belanja geng-geng seni itu. Alhamdulillah (sambil tersenyum). Kita pun doa, “semoga Tuhan murahkan rezeki Tuan, panjang umur”. Nampak? Orang itu dapat doa lagi daripada kita. Aamiinn (sambil tersenyum).

IS : Pernahkah ahli keluarga atau mana-mana kenalan Encik menghalang Encik untuk menceburi bidang seni muzik tradisional?

NAN : Diorang [mereka] ini tak [tidak] halang sebab dia kenal. “Oh, memang Man Kayan macam itu”. *Kan?* Dalam adik-beradik kita pun macam itu *kan?* Walaupun ayah kita, memang ayah macam itu, tak [tidak] halang dia. Selagi dia tak [tidak] menyusahkan kita...mungkin ada peringkat awal itu ada sedikit *lah kan* kejutan budaya daripada orang ini *kan*. Kita pun sendiri macam rasa *lah* rendah diri yang melampau, tapi kita kena ingat kita buat satu benda yang orang lain tak [tidak] buat. Jadi jangan ada perasaan malu. *So*, semua benda tu kita pegang prinsip, selagi aku tidak menyusahkan orang, boleh memberi manfaat tidak semestinya bila aku dah terurus aku dapat menyelamatkan 60 [enam puluh] orang daripada merempit malam-malam minggu

apabila mereka bermain *kan*, daripada melakukan kerja-kerja maksiat. Satu kebaikan, tak perlu besar-besar *kan*. Makna anak muda yang berkumpul di situ mereka belajar silat, belajar gendang. Jadi kita dah dapat selamat *kan* daripada bercampur dengan benda-benda yang negatif, hisap dadah dan sebagainya...merempit. Cukup *lah*, tak perlu besar, janji usaha itu ada ke arah itu.

IS : Adakah encik pernah mengikuti kursus-kursus professional berkaitan dengan bidang seni muzik tradisional?

NAN : Pernah tu pernah *lah*, cuma kursus-kursus begini biasanya dituliskan dalam bentuk teori *kan*. Tapi bila diamalkan, dia tak *balance* [seimbang], dia tak sama. Maknanya keluar istilah itu, kalau mungkin orang simpati dengan kita *kan*...berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Engkau boleh cakap benda ini macam ini, kau buat benda ini kau akan kaya *kan*. Tapi sebenarnya kau nampak yang kaya dia itu, kau tak [tidak] nampak lagi masa Mak Cik itu susah, *kan*. Jadi benda itu kita boleh dengar, tapi kita kena lalui juga. Dan pertama sekali, kita jangan letak “aku buat ni sebab aku nak kaya”. Susah. Jadi, satu benda yang bentuk kursus ni [ini] pak cik dengar, kalau tak [tidak] selesai pak cik keluar. Pak cik keluar bukan apa, kadang-kadang orang yang bagi motivasi itu kehidupan dia tak [tidak] macam kita. Dia hanya belajar teori semua *kan*. Bukan kata menidakkan benda itu. Kadang-kadang benda itu dibuat untuk, kena ada benda ini dari jabatan kononnya tahun depan takde [tiada] benda nak buat *kan*. Contoh macam pemetaan budaya. Setiap tahun dibuat pemetaan budaya ya. Tahun depan tak [tidak] boleh buat peta lagi dah. Dia kena pergi tengok apa yang dia dah peta itu contohnya, anak seni yang dia kaji itu. Dia kena bantu *lah*. Yang kedua dia kena tengok sejauh mana anak seni itu pergi sampai *lah* anak seni itu ada (menggayakan tangan – merujuk kepada pencapaian). Kalau dah usaha itu berjaya, berjaya *lah*. Tapi pak cik biasanya...tak [tidak] dapat nak pergi *lah* kursus itu sebab pak cik ada benda lain lebih besar lagi nak urus *kan*. Tidak *lah* kata kursus itu tidak bagus *kan*.

IS : Adakah Encik pernah menghadiri mana-mana uji bakat yang menggunakan alatan muzik?

NAN : Di peringkat awal penubuhan dulu, kumpulan ini pada tahun 2008...masa itu anak-anak pak cik dan anak saudara masih kecil. Kita cuba rasa juga *lah* menyertai pertandingan. Tapi sebenarnya bukan kita nak menang, tapi kita nak berkenalan dengan pemuzik-muzik tradisional yang lain. Jadi kita taknak [tidak mahu] beri tekanan sangat pada anak kita itu. Bukan misi kita nak menang tapi kalau kita tak [tidak] masuk pertandingan, kita seolah-olah berada dalam gua. Kita hanya nampak kita je [sahaja]. Dalam pertandingan itu, kata *lah* 12 [dua belas] pasukan, kita akan tengok 12 [dua belas] pasukan yang bertanding. Dari situ kita akan dapat menimba ilmu, kita akan dapat keunikan seni-seni melayu itu *lah*. Tapi tak sangka kali pertama kita masuk itu, kita pula yang ___. Tapi itu *rezeki lah kan*. Tidak *lah* kata kita riak dan sebagainya. Itu nasib *lah*, pertandingan *kan*. Kita tak [tidak] tahu dia mungkin terpesona ke sebab kita tengok aman dan tanah [merujuk kepada sesuatu] dalam group gendang itu. Yang kedua ini *lah* satu-satunya group gendang yang memakai baju pahlawan melayu seimbang. Warna-warni. Bila sebut kumpulan daripada tempat ini, hijau-hijau semua, kuning-kuning semua. Jadi mungkin ada yang kena sihir dengan mata [merujuk kepada terpujau, terpesona] dia *kan*, terpujau dan sebagainya. Mungkin ada markah bonus dari segi pemakaian. Permainan sama tapi ada pakej tambahan seni tu *lah*.

IS : Apakah cabaran yang encik hadapi dalam memperjuangkan seni muzik tradisional?

NAN : Cabaran itu bukan dengan dunia luar. Cabaran tu datang dari diri kita sendiri. Cabaran utama kita tak sihat. Cabaran kedua kita nak fikir benda lain lagi tapi terpaksa kena kearah tu [itu] *kan*. Jadi sebenarnya cabaran yang besar dalam kerja-kerja, apa saja kerja bukan datang daripada luar tapi dari diri sendiri. Tu jawapan pak cik *lah*. Betul tak? Sebab itu orang kata tepuk dada tanya selera. Kadang-kadang kita tak [tidak]

selera nak makan lauk-lauk, daging-daging itu, tetiba [tiba-tiba] dalam kepala otak kita lamanya tak [tidak] makan ikan masin. Nampak tak [tidak]? Cabaran tu bukan pada menu itu, makanan di hadapan kita itu, cabaran dia ada pada diri kita. Kita ada benda lain yang kita nak. Itu *lah* cabaran terbesar *lah*.

IS : Apakah perasaan encik apabila seni muzik tradisional ini mula dikenali orang ramai?

NAN : Sebenarnya benda ini ada pasang surut *lah*. Kalau ditempat kita ini dia bermusim. Jadi kita...kita tak [tidak] kisah sama ada benda itu diterima atau tidak, bermusim atau tidak, cuma kita tengok pada diri kita atau kita tengok pada pihak pemuzik lain dia kekal steady tak [tidak], dia tetap tak [tidak] pendirian dia. Maknanya kita akan pandang dia tu [itu], kita tak [tidak] kisah pada dunia luar. Dia tu [itu] steady je [sahaja] walaupun orang kata dia macam tu [itu] *kan* dia tetap *steady* [sedia]. Sebenarnya, macam pak cik ini, pak cik dah terap dalam kepala ahli kumpulan kita, ada masanya kita macam ni [ini], kita meriah dengan acara. Ada masa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] kita takde [tidak ada] acara, tapi tengok kita bertahan tak [tidak]? Begitu juga dengan kehidupan, kau mengeluh tak [tidak]? Jadi kau terima benda ni [ini] seadanya. Mengeluh tu [itu] akan bertambah susah. *So* [Jadi] kita jangan fikir kita susah. Kita tidak dihiraukan. Taklah [Tidaklah], sebab tempat lain pun ada lagi susah. Kita nampak Indonesia itu menghasilkan muzik yang lagi berdentum [merujuk kepada hebat] *kan*? Tapi diorang [mereka] lagi susah dari kita sebenarnya. Diorang [mereka] mungkin main dibawah lorong-lorong...kehidupan dia tidak sesenang kita *lah* sebenarnya. Ada yang senang, senang. Tapi satu benda yang dihasilkan melalui kesusahan, keperitan benda itu lain value [nilai]. Dia punya kat [dekat] atas pentas itu lain. Roh dia lain. Contohnya, pelakon. "Bagaimana dia jadi pelakon?". "Mak bapak [Ibu-bapa] dia orang kaya, boleh bayar upah, lakonan dia hambar". "Bagaimana dia jadi penyanyi?". "Dia melalui pertandingan, sukar *lah*, apa *kan*". Dia kena datang daripada kesusahan, dia kena lalui proses tu [itu], dia tak [itu] boleh dibantu sangat supaya dia ada jawapan. Dia sendiri yang kena lalui, dia tak [tidak] boleh melalui teori dan kadang-kadang benda yang macam ini di luar jangka. Sebenarnya kita kena bina cipta hidup kita. Pertama sekali jangan terlalu

menyalahkan keadaan. Sebab kenapa kau pilih jalan itu. Terima je *lah*, Redha *kan*. Kata nak jadi doktor bukan senang juga *kan*? Malam tak [tidak] tidur, *life* [kehidupan] takde [tiada], kena *emergency call* [panggilan kecemasan] ...tu susah juga. Nampak *best* [seronok] anak dia doktor, raya tak [tidak] dapat balik pun doktor. Sedih pula. "Silap aku bagi anak aku jadi doktor, bila-bila boleh balik". Contoh *lah*. Jangan ada penyesalan...buat pembetulan ikhlas.

TAMAT BAHAGIAN D

E) PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI PENYANYI LAGU RAKYAT

IS : Sebagai seorang penyanyi lagu rakyat boleh saya tahu, adakah encik sendiri yang mencipta lirik-lirik lagu rakyat tersebut?

NAN : Bila disebut lagu rakyat, lagu rakyat ni [ini] adalah satu benda yang kita dah tahu siapa yang mencipta melodi ni [ini], siapa yang menulis lirik ni [ini], biar dia dinyanyikan dari generasi ke generasi. Contohnya macam lagu ni [ini],

‘Tebang tebu kuala sawa

Hujan manik aiah mandi kota

Sirih rampai pinang berseri

Sentak peluk tangan kiri

Tebang tebu kuala sawa

Hujan manik mandi kota

Jatuh berderai bunga berangan

Sentak peluk tangan kanan

Peram-peram pisang

Pisang masak layu

Orang zaman sekarang

Jagalah tingkah laku

Ayam makan padi

Itik makan beras

Orang zaman ini

Hatinya keras'

Sebenarnya lagu tu [itu] tak [tidak] tahu siapa yang menciptanya. Tapi lagu-lagu orang lama ni [ini] dia mendayu, dia memujuk, dia membelai tapi dalam masa yang sama lirik tu [itu] ada nasihat, panduan. Itu *lah* cara kaedah orang dulu-dulu [dahulu-dahulu] mengajar. Kehidupan dulu [dahulu] keras, mandi sungai, susah, panjat pokok, panjat bukit. Tapi ada tempat-tempat dia mengadakan kenduri, jamuan rakyat, majlis-majlis gotong-royong rumah. Selepas menuai padi, lagu-lagu seni ni [ini] digunakan untuk merehatkan jiwa diorang [mereka], menyampaikan mesej-mesej yang tu [itu] kita ulang tayang balik. Kita menceritakan kegemilangan zaman melayu silam. Kalau sekarang ni [ini] tak [tidak] boleh jalan ini, tapi kenapa kita boleh balik? Kita kena angkat balik benda tu [itu]. Ada rahsia-rahsia yang terlepas pandang.

IS : Bagaimanakah encik mendapatkan ilham untuk menghasilkan lagu rakyat?

NAN : Dia bukan ilham tau, benda [idea] itu hadir. Sebenarnya ada ratusan lagu-lagu rakyat yang tidak berkumandang, sudah dilupakan, sudah tidak dinyanyikan. Pada zaman dahulu, ratusan pendendang lagu rakyat, ibu kita, mak ayah kita, nenek kita *kan*. Buai

laju-laju sampai pucuk sena, apa dalam baju sekuntum bunga cina. Ada tak [tidak] lagu-lagu tu [itu]? Mak kita yang mendendangnya tapi sekarang takde [tiada] dah. Kalau dendang, mak kita pun tak [tidak] nyanyi lagu tu [itu] dah. Kalau ikut *kan* dulu [dahulu] semua yang mendendangkan lagu rakyat adalah, kakak kita, abang kita *kan*. Bila ramai-ramai...kanak-kanak kita mainkan rasa sayang hey, rasa sayang-sayang hey. Ha pastu [selepas itu] orang bagi pantun. Contoh macam lagu lemak manis tu [itu] lagu rakyat tu [itu]. Lagu lemak manis tu [itu] macam lemak manis ala amboi-amboi, santan kelapa ala amboi-amboi dia nak menidurkan anak dia. Ku pandang *lah* manis ala amboi-amboi, anak siapa. Ha, lepas tu dia pantun *kan* anak dia. Buah cempedak di luar pagar ambil *lah* galah tolong jolok *kan*, saya *lah* ini budak baru belajar, kalau *lah* salah tolong tunjukkan. Pantun itu boleh bina, apa-apa saja [sahaja] pantun tapi lemak manis tu [itu] sama. Yang tu [itu] lagu rakyat. Siapa yang mencipta lemak manis? Moyang kita. Siapa yang mencipta melodi macam tu [itu]? Moyang kita. Dalam dunia pak cik ni [ini] mungkin orang dulu nyanyi tak [tidak] buat alat muzik. Kemudian tarian gendang. Jadi sama *lah* juga, kita nak mencantikkan lagi irama tu [itu]...dengan pakaian cantik-cantik supaya irama lama tu [itu] nampak lebih (menggayakan sesuatu yang menarik). Kita buat satu kumpulan menampakkan kita telah menyatukan banyak jiwa untuk mengangkat benda tu [itu] bersama-sama. Dia lain tau nyanyi solo dengan nyanyi kumpulan. Nampak meriah kumpulan *kan*? Tapi kumpulan tu [itu] jangan sama *kan* dia. Nampak orang tu [itu] daripada golongan itu, golongan ini, sebab kami anak seni bukan dibayar gaji untuk kerja bidang ini. Kami datang dengan rela hati. Kami datang dengan rasa bertanggungjawab. Sebab di bawah *group* [kumpulan] ini bukan semuanya doktor [ini] ni, bukan semuanya askar dalam ni [ini], bukannya semua datang dari sini, datang dari berbagai-bagai. Jadi di situ kita dapat berkongsi cara hidup yang berbeza, apa yang dapat menyatu *kan* kami...seni *kan*. Seni tu dapat menyatukan kami dan saling nasihat menasihati, saling segan nak buat benda jahat sebab kawan dia macam ni [ini] *kan*. Lama-lama dengan perasaan segan ni [ini], kita dapat jadi positif *lah*, manusia yang positif. Dia kena segan tau [tahu], kalau kita tak [tidak] malu sangat bahaya...*kan*. Nampak tak [tidak]? Dia kena ada perasaan segan.

IS : Apakah lagu rakyat Pahang yang sering Encik persembahkan?

NAN : Lagu tadi...tebang tebu. Tebang tebu tu [itu] lagu yang mendamaikan, menggunakan alam sebagai lambang *kan*. Tebu tu [itu] jadi gula, manis dalam kehidupan. Tapi dalam manis tu [itu] kena ingat, kalau salah tebang tu [itu] miang, akan jadi gatal. Nampak tak [tidak], benda tu [itu] banyak sangat falsafah yang ada pada pokok tebu tu [itu]. Kalau nak dapatkan manis, kau kena susahkan diri kau dulu [dahulu]. Kenapa? Daun dia *kan* miang juga. Salah potong, salah kunyah, gigi patah tau [tahu]. Falsafah tebu tu [itu], kenapa orang jadikan lambang tebu. Orang tau [tahu] tebu itu manis *kan*, tapi kalau nak dapatkan kena mesin belah *kan*. Banyak tak [tidak] step [langkah] kita kena lalui untuk dapatkan benda yang bukan senang. Kalau kita kunyah itu, gigi kita rapuh, serpih. Kalau takde [tiada] gigi langsung takyah [tidak payah] makan.

IS : Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum encik membuat persembahan?

NAN : Persediaan ni [ini] lari segi mental dan terima apa saja [tiada]. Biasanya kalau dalam persembahan, dia lumrah kalau orang ramai datang tengok, orang tu [itu] sanjung puji kita. Benda tu [itu] kena letak tepi. Jadi, dalam persembahan tu [itu], apa kau boleh buat. Sebab melunaskan permintaan orang yang jemput kita itu. Jadi, pertama sekali bagi orang yang jemput kita tu [itu] puas hati. Penonton tu [itu] kemudian, kita tak [tidak] jangka pun diorang [mereka] nak datang. Orang puas hati pun kita tak [tidak] boleh nak paksa dia, yang penting aku dah jalankan kewajipan aku. Sama ada kau terima aku ke tidak ke, tu [itu] bukan hak aku. Tapi aku dah diamanahkan untuk jaga kawasan ni [ini]...aku buat benda ni [ini], terpulang *lah* pada kau. Jadi, kita tidak *lah* rasa resah gelisah, kecuali kalau dia bagi duit kau tak [tidak] buat persembahan. Ha tu [itu] lain, nampak tak [tidak] rasa bersalah, mencuri, berdosa seumur hidup kita *kan*. Taknak [tidak mahu] buat bagi orang. Tapi dia tak nak [tidak mahu] dengar nak buat macam mana *kan*. Kita dah berlatih, dah belajar dah bersungguh-sungguh. Tapi itu je *result* [keputusan] kita dapat. Takpe [tidak apa], kita terima seadanya, aku dah

buat. Tak [tidak] semestinya itu kegagalan...nasib kau, kau tak [tidak] nampak, *kan*. Dia belajar dulu sekolah tak [tidak] habis darjah 5 [lima], tapi dia berjaya lebih daripada orang yang belajar sampai (menggayakan keatas – merujuk kepada menara gading). Orang putih kabo [mengatakan] benda *dont judge the book by its cover?* Nampak kehidupan dia santai je [sahaja] tapi dia lebih sentosa daripada engkau. Dan dalam persembahan, pak cik lebih berkonsepkan penglipur lara. Apa saja [sahaja] tidak gemar merancang. Sebab pak cik akan merancang boleh sampai ke tempat. Contohnya nak nyanyi lagu ni [ini] tapi dalam studio kanak-kanak, tukar *lah* lagu kanak-kanak. Kalau tengok mak cik-mak cik kan, main *lah* lagu yang boleh mak cik-mak cik kan itu terpikat. *So* [Jadi] nak main sesuatu benda memang sukar. Tapi dalam hidup kita ada *plan* [pelan] a, b, c, d. Begitu juga kita keluar rumah. Itu *lah* kehidupan kita sebagai pelajar, kita kena ada plan [pelan] a, b, c.

IS : Adakah Encik pernah menolak sebarang tawaran untuk melakukan persembahan?

NAN : Pernah *lah*. Biasanya tolak itu kita sakit. Kedua ada jadwal lain. Ketiga persembahan itu nampak macam tidak membenarkan kita pergi ke tawaran itu. Kita kena banyak keluarkan tenaga, modal, jaud dan sebagainya *kan*. Tapi, biasanya sebab keuzuran *lah*. Keuzuran, kekangan masa. Kadang-kadang kita tak [tidak] dapat beri komitmen pun sebab anak-anak buah ni [ini] ada kerja lain. Kerja macam kami ni [ini] lebih kepada sukarela.

IS : Adakah encik pernah terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan?

NAN : Kerja kami memang kerja masyarakat. Buat persembahan tu [itu] dengan masyarakat *lah*. Jadi benda-benda yang berkaitan dengan persembahan ini, yang kita buat ni [ini] semua kemasyarakatan juga ni [ini] antara projek seni dengan kerajaan. Lawatan tetamu-tetamu ke kelab ni [ini]. Tu [itu] semua kerja masyarakat. Kerja sendiri ni [ini] macam kita kat [di] pejabat ya. Tapi kalau kerja-kerja seni ni [ini] semuanya kemasyarakatan sebab masyarakat jadi penonton. Kalau takde [tiada] orang

menonton, ha macam mana ini. Cuma, tengok *lah* ada yang masyarakat bayar persembahan kita, ada masyarakat yang lepas tangan, ada masyarakat yang menyokong, ada masyarakat yang *involve* [terlibat] sekali dalam kerja seni ni [ini]. Contohnya memberi laluan, menyokong dan sebagainya.

TAMAT BAHAGIAN E

F) PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI SEORANG PEMAIN GENDANG PAHANG

IS : Sebagai seorang pemain gendang, apakah alat muzik kegemaran Encik?

NAN : Gendang ni [ini] semua pergendangan melayu, macam kita tengok tadi ada gendang ibu, gendang anak, kita ada rebana dan di daerah lain itu ada nama-nama gendang *lah* kompang dan sebagainya. Semua jenis gendang itu kena rasa *lah* main.

IS : Dari manakah encik belajar bermain gendang tradisional Pahang ini?

NAN : Daripada orang lama-lama *lah*. Orang di kampung. Sebenarnya kami satu kumpulan yang mana setiap persembahan-persembahan di kampung tu [itu] kami juga mengambil kesempatan belajar dalam setiap pertandingan atau persembahan bersama. Kami cuba belajar dengan orang-orang lama di tempat yang kami berada.

IS : Berapa lamakah masa yang diambil untuk mahir bermain gendang tradisional ini?

NAN : Kemahiran adalah bergantung kepada semangat seseorang tu [itu] *lah*. Kalau dia bersungguh, cepat *lah*. Kalau dia niat sekadar suka-suka, lambat.

IS : Apakah alat muzik tradisional lain yang encik gunakan untuk mengajar anak murid encik?

NAN : Sebelum ni [ini] kita gunakan gendang *lah* sebab kalau zaman dulu-dahulu semua manusia di dunia ni [ini] gunakan gendang. Bukan sahaja di negara kita, di Afrika, di Brazil, di Amerika pun, gendang adalah satu benda yang memainkan irama dan dia boleh menggambarkan rasa dalaman kita melalui hasil kumpulan. Kumpulan yang kita nak hasilkan melalui tangan tu [itu] akan melahirkan kepuasan dan akan melahirkan karya lirik lagu dan sebagainya tapi melalui dari segi panduan. Yang ada pada setiap seluruh manusia *lah* yang jadi dalam __. Logik tak [tidak]?

IS : Adakah sukar untuk mendapatkan alat muzik tradisional pada zaman sekarang?

NAN : Benda [merujuk kepada alat muzik] tu [itu] senang tapi nak dapat yang *originality*[asli], contohnya macam gendang-gendang ni [ini] dia ada mengikut negeri masing-masing. Nak dapat yang betul Pahang ini sebab Pahang dah semakin berkurang, nak cari tukang yang buat gendang tu [itu] susah. Dan juga permintaan nak buat gendang tu [itu] dah takde tiada], mungkin orang yang buat gendang tu [itu] dah beralih ke lain. Sebab tu [itu] tugas kami ni [ini] semua, mengangkat balik benda ni [ini], meriahkan balik supaya ramai orang main gendang dan maka ramai *lah* orang yang tukang buat gendang mendapat hasil daripada perbuatan gendang itu. Dan bila benda [merujuk kepada alat muzik tradisional] itu pupus, dia akan gunakan benda lain. Pembuat gendang yang takde [tiada] kerja, orang yang takde [tiada] kerja dan sebagainya.

IS : Bolehkah saya tahu, dalam seminggu berapa kali kelas bermain gendang diadakan?

NAN : Kami ni [ini] tak [tidak] boleh menghadap benda yang sama sebab baru ni [ini] kita ada satu dana khas untuk mengajar gendang selama 6 bulan. Jadi, pak cik telah pilih pasukan kumpulan silat ya sebab bila sebut gendang pasti [mempunyai kaitan] silat. Dan sebenarnya gendang tu [itu] dimain oleh persatuan guru silat itu sendiri. Biasanya kadang-kadang gendang itu bukan dalam silat. Tu [itu] yang susah itu. Kadang-kadang kita nampak sekarang ini, persembahan silat ini dia pasang CD [*compact disk* – cakera padat] atau rakaman, sebenarnya benda sebegini tidak digalakkan sangat *lah*, kalau adalah pasukan gendang, cari *lah* sedikit dana, bajet dan sebagainya *kan* untuk jemput mereka. Jangan lokek. Duduk Kuala Lipis tapi taknak [tidak mahu] jemput. Boleh je [sahaja] bagi je [sahaja] duit minyak, bagi makan, datang *lah kan*. Jadi bayar sikit untuk benda tu [itu] sentiasa hidup. Kalau kata nak jimat sangat kos, ha takpe [tidak mengapalah] *lah* pasang CD. Benda tu [itu] akan membunuh kemudian. Ini maklumat penting tak [tidak] kira dimana, kena ambil iktibar kalau tidak pupus benda ni [ini]. Jangan menangis *lah*.

IS : Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum encik membuat persembahan?

NAN : Apa sahaja benda yang kita buat itu, pertama sekali kita kena percaya pada diri kita, kemampuan kita dan jangan rasa bangga dan riak, Kadang-kadang seni itu kita tahu...kalau kita main yang Pahang, kita main je [sahaja] yang Pahang sebab jangan kita nak membezakan, “ha Kedah ni lagi bagus, Perak lagi bagus”. Tidak sebab semuanya dalam sudut seni ini kita saling menghormati karya-karya, apa sahaja seni-seni lama, seni-seni baru. Jangan kita tak [tidak] hormat harta-harta sebab seni-seni ni [ini] dia sesuai dengan lapisan macam ini. Kata *lah* untuk kanak-kanak, mungkin dia ada *level-level* [peringkat-peringkat] gini [begini] *kan*, yang khas untuk kanak-kanak. Untuk remaja ada lagu dia. *So* [Jadi], setiap peringkat seni dia ada peringkat-peringkat yang kita harus hormati dia. Mungkin dia budak baru sebab kita dulu pun

pernah baru, kita pun pernah jadi macam diorang [mereka]. Bila timbulnya rasa menghormati kita tak [tidak] kekok berada dalam dunia seni tu [itu]. Jadi kita amik [ambil] perkataan hormat.

IS : Apakah nasihat yang sering encik berikan kepada anak-anak didik encik?

NAN : Nasihat dia jangan lupa diri, percaya pada kita nak pegang ini dan jangan terlampau cerewet sangat. Itu tak [tidak] kena ini tak [tidak] kena, berdosa.

IS : Selain daripada dipanggil untuk membuat persembahan, adakah encik sering dijemput untuk mengendalikan bengkel seni atau ceramah mengenai bidang seni muzik tradisional?

NAN : Ya, sudah tiba masanya untuk kita berkongsi dengan salah satunya kerja amal kami, berkongsi dengan masyarakat. Kita pun dapat daripada orang *kan*. Kita bahagikan *lah* supaya benda-benda lain boleh masuk. Benda-benda banyak terpendam dalam jiwa. Kalau kita tak [tidak] lepas perasaan kita, kita jadi tekanan. Cakap sorang-sorang [seorang-seorang] ...gila.

TAMAT BAHAGIAN F

G) KELAB SERINDIT MATI TERSEPIT

ZS : Mengenai Kelab Serindit Mati Tersepit, bilakah Encik menubuhkan kelab tersebut?

NAN : Dia ada dua tau [tahu]. Anak Kayan ni [ini] ditubuh pada tahun 2008. Dia nya lebih kepada untuk memuaskan apa yang tersimpan dalam jiwa pak cik dan dikerah, masa tu [itu] di kerah anak-anak, anak sedara [saudara], waima isteri pun main gong. Mula-

mula diorang [mereka] macam liat, tetapi bila kita dah [sudah] mula bermain tu diorang rasa enjoy [gembira] kerana kita bercuti sambil buat persembahan tu [itu], nampak dak [tidak]. pak cik boleh bawa keluarga pak cik sampai luar negara, tanpa mengumpul duit, simpan duit kita kerjakan [usahakan], tiba-tiba orang bayar je [sahaja]. “Man pergi ni [ini] Man”, “Ha ni [ini] tiket kapal terbang Man”, “Man ni [ini] hotel Man, ni [ini] makan Man, ni [ini] elaun”, siapa tak nak. Jadi bila ada benda lain yang kita rasa “Haah eh tak sia-sia la kita buat benda ni [ini], tak [tidak] la membazir sangat *kan*, kita diterima, dan dijemput, dipelawa *kan*, bukanlah kita main kampung”.

ZS : **Bagaimana Encik mendapat inspirasi untuk menamakan kelab ini?**

NAN : Yang tadi Anak Kayan tu [itu] *kan*, anak kayan tu lebih kepada komando *lah*. Kita meredah semua benda, kita nak tengok suasana. Sebelum berperang... pak cik suka bandingkan dengan askar sebab anak askar. Dia akan hantar perisik dia, atau mana-mana dia akan hantar spy [perisik] dulu tahu. Begitu dengan seni ni [ini], Anak Kayan ni [ini] jadi spy [perisik], dia tengok dulu suasana luar, bila jatuh bangun. Pastu pada tahun 2018, selepas sepuluh [10] tahun Anak Kayan ni [ini] bergerak dengan kami yang susah-susah ni [ini] dulu, kita rasa kita kena kongsikan benda ni [ini] dengan kawan-kawan yang lain. Pada tahun 2018, diwujudkan kelab serindit mati tersepit, dihalaman rumah pak cik ni [ini] sendiri dan kita menerima kemasukkan orang-orang yang bukan anggota asal anak kayan dulu dalam persembahan kerana, pertama sekali kita nampak Anak Kayan tu [itu] dah [sudah] makin meriah kerana dia dapat kawan baru, dia tidak mengadap muka lapan [8] orang yang sama je [sahaja] *kan*, dia dah terima orang ni [ini]. Jadi, keanggotaan kelab serindit dekat 60 lebih. Yang mana kita dalam group tu [itu], kita ada orang yang boleh bersilat, kita ada yang boleh berteater, kita ada orang yang boleh bersyair, kita ada orang penari group tarian piring dan sebagainya, dimana kesenian-kesenian lain mula berdamping sebab gendang ni [ini] adalah ibu segala muzik. Bila sebut gendang ni [ini], kita boleh mengiringi persembahan nyanyian, persembahan silat, boleh je [sahaja] baca sajak sambil ketuk gendang, boleh je [sahaja] dalam lakonan teater tu [itu] tiba-tiba tengah tu [itu] ada

bunyi gendang dan sebagainya. Nampak tak [tidak] dalam seni tu [itu], gendang tu [itu] ibu kepada semua benda. Kalau zaman dulu, gunakan gendang untuk menaikkan semangat, untuk berubat pon ada. Tanya orang dulu-dulu *kan*, kenapa diorang main gendang, tapi tu [itu] ilmu orang dulu, kita tak kata benda tu [itu] karut. Tapi gendang itulah [itulah] ibu kepada segala benda.

ZS : Apakah fungsi Encik menubuhkan kelab ini?

NAN : Fungsi ni [ini] pada peringkat awalnya untuk memuaskan diri sendiri je [sahaja], keluarga, pastu baru terlibat dengan kawan-kawan. Pastu bila masyarakat nak kongsi dijemputlah. Jadi itu je [sahaja]. Tujuan yang pertama, mesti kita buat untuk diri kita dulu. “Kenapa aku nak jadi doktor dulu”. Pastu barulah kita jalankan tugas kita sebagai doktor. Jadi yang awal sekali yang kita sebut kenapa nak jadi tu [itu], untuk diri kita. Barulah ada keikhlasan dalam setiap benda yang kita buat. Kalau dipaksa, dia lain *kan*. Cukup, jawapan dia solid [kukuh]! Mantap!

ZS : Berapakah modal yang diperuntukan untuk menubuhkan kelab ini?

NAN : Bila cerita bab modal ni [ini] kita jangan tanyalah *kan*. Sebabnya jangan fikirkan sangat untung atau rugi. Kalau tidak jangan jadi orang tulah, kalau kata kau mikir sangat modal esok kau jangan kahwin, biar jadi bujang. “Nanti nak bagi bini aku, nak bagi anak aku, nak bayar sewa rumah, nak bayar kereta, nak beli kereta besar, kalau aku sorang kang [nanti] aku boleh naik motor”. Jadi jangan kira bab modal, yang penting kepuasan.

ZS : Siapakah yang membantu Encik untuk membangunkan kelab ini?

NAN : Semestinya Man Kayan ada isteri *kan*? Isterilah paling banyak membantu, membantu tu [itu] bukan dari segi kewangan. Semangat, semangat kita sentiasa hilang, semangat kita sentiasa kendur, orang yang layak memberi kita semangat tanpa mengira masa,

waktu office [pejabat] ke waktu pejabat, isteri *lah*. Nak tidur --- Bangun pagi tengah nak bagi makan belum....

ZS : **Berapa orang ahli kelab ini sekarang?**

NAN : Sebenarnya, kita ni [ini] dah bukan bergerak secara berkumpulan, maknanya dulu anak kayan tu *lah*, satu group muzik. Tapi Anak Kayan dan kelab serindit ni [ini] berperanan juga untuk menganjur acara yang besar, So ahli kami, sebenarnya kami dah takde [tidak ada] ahli sangat, kita tak [tidak] daftar sebagai ahli, kita nak rakan-rakan seni yang sanggup bersama dengan kami. Contohnya macam, kami salah satu daripada perjuangan kami tu [itu] ialah busana. Bila setiap kali hari raya, kita akan ramai-ramai tidak kira dia duduk disini atau tidak, “jom kita berbusana di masjid negeri semayang raya” maka ramilah, lebih daripada keahlian dekat 100 orang. Jadi sebenarnya kita mempunyai cita-cita yang sama, cuma kami ni [ini] mungkin sebagai model. Dalam persembahan kami keluar berbusana *kan*, tapi peminat busana tu mungkin tak dapat nak join, tapi bila ada acara-acara yang terbuka, contohnya “Kau ambik gambar ni ada majlis program berbusana, jom kita pergi beramai-ramai”. Jadi kami ramai kawan-kawan yang seangkatan walaupun kita tidak duduk bawah satu kelab, tapi kami akan duduk diatas tiket warisan melayu. Jadi biasanya Man Kayan *lah* kena jadi prajuru, tapi tidaklah diorang [mereka] kena ikut akur pada arahan, cuma pada acara-acara tertentu je [sahaja].

ZS : **Kiranya untuk sertai kelab ini tidak ada had umur *kan*?**

NAN : Kita tiada had umur, tapi kita saling menghormati orang yang ada didalamnya. Jangan *lah* masuk dalam ni [ini] nak jadi hebat, nak jadi hero [wira]. Kita adalah sama.

ZS : Bagaimana kelab ini beroperasi setakat ini?

NAN : So far [setakat ini], taknak cakap besarlah, aman dan sentosa. (ketawa)

TAMAT BAHAGIAN G

H) PENCAPAIAN/ANUGERAH/SUMBANGAN TOKOH

ZS : Memandangkan encik sudah lama berkecimpung dalam bidang seni muzik tradisional, apakah anugerah pertama yang Encik perolehi?

NAN : Sebenarnya anugerah ni [ini] paling ditakuti, biasanya anugerah ni [ini] adalah macam ibarat penghujung karier, contoh kau dah dapat nombor satu buat apa nak berlari lagi *kan*, tapi pakcik tukar sikit, anugerah yang aku terima ni adalah kebanggaan korang [kamu], aku bergerak dalam seni ni [ini] bukan aku sorang, tapi perlunya anugerah ni [ini] supaya aku diterima, pandangan aku diterima bila aku usulkan sesuatu yang dalam bentuk kerja berkumpulan. So [jadi], kena ada diantara kita ni [ini] yang menjadi tokoh bukan aku sahaja, dan korang-korang semua bila tiba masanya nanti, kerana setiap negara yang besar pon kena ada seorang tokoh yang dunia akan nampak, dan jalankan amanah, dan belajar dari tokoh-tokoh yang lama (merujuk kepada ayat sastera). Sebenarnya anugerah tu [itu], kalau sebagai kesenian tu [itu] betul untuk kita, tapi kalau untuk kerja berkumpulan ni [ini] tidak ada *lah* kalau kita kata anugerah tu [itu] aku dapat sebab aku bagus, aku nak menyanyi macam mana kalau takde [tidak ada] muzik dekat belakang. So [jadi], nampak tak, macam mana aku nak berdiri dengan ramainya kalau aku sorang je bergendang takde [tidak ada] silat. Jadi apa yang Man Kayan dapat ni [ini] hasil kerjasama dan titik peluh kami gotong royong dalam seni ni [ini]. Dan, terpaksa terima tu [itu] semua sebab takkan nak panggil semua bercakap *kan*, jadi tokoh itulah kena cakap, tapi ceritanya berkisah kepada kerja berkumpulan. Nampak tak [tidak]? Takde *lah* [tidak adalah]

dari awal kata Man Kayan ni [ini] bagus, tidak. Bagusnya Man Kayan ni [ini], berdirinya Man Kayan ni [ini] kerana ada kawan-kawan dibelakangnya. Serindit tidak terbang sendiri, serindit terbang ramai, Kalau dia terbang sendiri, maka yang mati tersepit tu [itu] bakat dia. Itulah maksudnya mati tersepit ---. Cuma kita kadang-kadang nama tu[itu] main peranan.

ZS : Apakah pencapaian yang paling terbaik pernah Encik capai?

NAN : Pencapaian terbaik sekali, dia sebenarnya bukan faktor persembahan dan sebagainya, “oh bestla kau dapat main depan tv” kononnya *kan* --- tapi siksanya masa kita nak pergi raptai [latihan], menunggu giliran persembahan dekat belakang tempat yang gelap, keluar sepuluh minit pastu [kemudian] masuk balik, pencapaian yang paling baik bila setiap persembahan tu [itu] ada kenangan yang manis yang boleh kita kenang tu [itu] je [sahaja]. Kenangan tu yang seronok dikenang, bukan benda apa yang kita dapat.

ZS : Apakah kejayaan yang paling Encik ingati sepanjang karier Encik?

NAN : Kejayaan ye? Boleh hidup sentosa, bini tak halang, keluarga menerima, masyarakat restu, dan masih lagi menerima undangan dan ada lagi orang yang sudi bertanya khabar. Tidak terpinggir lagi *lah kan*?

ZS : Adakah pencapaian Encik sekarang menjadikan Encik lebih bermotivasi bekerja dalam bidang ini?

NAN : Sebenarnya bila kita makin jauh pergi *kan*, sebenarnya kita rasa kita tak [tidak] boleh lari dah, dah macam diberi amanah, dan diberi satu tanggungjawab. Contohnya dalam perkawinan, bila jadi suami, pastu akan jadi ayah pula nanti, pastu akan jadi ketua keluarga, dan nak tak nak [mahu tidak mahu] kita tak [tidak] boleh nak berpatah dah [sudah], bukankah buruk bunyinya daripada seorang ayah, dia nak jadi bujang balik.

Jadi tanggung jawab yang telah diamanahkan itu, dia takkan [tidak akan] abaikan. Jadi, begitu juga dengan kerja seni ni [ini], prinsip hidup dia sama dengan falsafah kehidupan kita seharian.

ZS : Pernahkah Encik bekerjasama dengan sesiapa sepanjang karier Encik?

NAN : (ketawa) Kerjasama dengan pihak (sambil menunjuk jari kepada kami). Ni [ini] kerjasama sebenarnya, ada pihak yang bertanya khabar dan mencanangkan cerita-cerita pakcik ni, tidaklah kami ni macam katak bawah tempurung dengan dunia kami, mungkin platform student [pelajar] macam ini kerjasamanya (mengarahkan terhadap temu bual kami), dengan masyarakat kerjasama untuk memeriahkan acara dan sebagainya, jadi kerjasama tu [itu] kena adalah.

ZS : Pencapaian apakah yang Encik ingin capai pada usia Encik kini?

NAN : Sebenarnya takda [tidak ada] apa sangat yang nak diimpikan, meneruskan kehidupan dan berharap benda ni [ini] ada orang yang sambung, itulah pencapaian yang kita harapkan. Pencapaian tu benda yang kita terima *kan*, --- dan diwarisi *lah*.

ZS : Adakah Encik mempunyai apa-apa projek khas buat masa kini?

NAN : Sukar untuk merancang benda yang tenggelam timbul ni [ini], ada masanya kita tak [tidak] rancang, dia ada. Contoh macam semalam, tiba-tiba dipanggil mesyuarat, kita tak [tidak] rancang pon benda tu [itu], tapi kita dipanggil mesyuarat. Jadi, dalam kehidupan ni [ini], kerja seni ini pakcik menerima apa saja [sahaja] datang dan pergi, dan kehidupan lain perlu diteruskan juga, sebagai seorang suami. Jadi kita tak [tidak] boleh sangat terlampau fokus benda ni [ini], tapi lainlah kalau semuanya dah sehati sejiwa, takde [tidak ada] masalah. Saling memahami *lah!*

ZS : Adakah kesan atau perubahan terhadap keluarga Encik disebabkan oleh perkembangan karier Encik?

NAN : Ada, dulu tempat ni [ini] tak [tidak] berapa cantik sangat, tapi bila tengah kerja-kerja seni ni, satu benda yang kalau pakcik terjemahkan seni tu S, sentiasa, E tu elok, N tu nampak, I tu indah, sentiasa elok nampak indah pakcik terjemahkan. Dulu pakcik tak [tidak] suka sangat bertanam bunga, jadi bila orang luar datang, isteri pakcik pun “oh, rumah kita kemas, suami aku jaga kebersihan, jaga semua bersih-bersih” *kan* benda tu jadi sesuatu benda yang memuaskan hati semua pihak, dan mengajar kita disiplin.

ZS : Adakah selepas memperolehi anugerah, kumpulan yang Encik tubuhkan mula mendapat nama dalam masyarakat setempat?

NAN : Nama tu [itu] dikenali *lah*, kadang-kadang kita pun berterima kasih kepada banyak pihak la, orang yang menulis dalam google [platform yang digunakan untuk mencari maklumat], dalam internet [laman sesawang], yang kongsi dalam tiktok [aplikasi video], fb [facebook] dan sebagainya rakaman-rakaman persembahan kami, gambar-gambar kami. Kami pun tak [tidak] boleh nak mendabik dada, terima kasih kepada masyarakat *lah* yang sebab, niat dia kita tahu, sebab bukan nak gosip-gosip liar, lebih kepada mereka bangga tengok busana orang melayu, orang main gendang masih ada lagi wujud nya. Terima kasih semua fan-fan [peminat-peminat] Anak Kayan, macam main bola pulak [pula]! (ketawa)

ZS : Adakah target atau tujuan sebenar Encik bekerja di dalam bidang ini telah tercapai atau masih diusahakan?

NAN : Kita sebenarnya bekerja berperingkat-peringkat dan pakcik dah [sudah] sampai satu tahap yang mana, perlahan-lahan menyerahkan kuasa, ilham, apa saja kepada generasi baru. Sebab tu [itu] apabila kita tubuh kelab ini, bila daftarkan dia ada system, ada ajk [ahli jawatankuasa] ada biro, yang mana kerja kita tidak semua atas

Man Kayan. Jadi masing-masing dah [sudah] ada peranan masing-masing, dan masing-masing rasa diperlukan, rasa bangga tau [tahu]. Yang ni [ini] Zue, tadi *kan* SU [setiausaha] tolong uruskan pasukan gendang, tak [tidak] perlulah asyik Man Kayan je [sahaja] *kan*. Man Kayan boleh lewat sikit. Camtulah [macam itu], jadi masing-masing dah rasa macam kesadaran tanggung jawab tu [itu] untuk bersama-sama dan mereka bangga untuk menjaga benda ni [ini] secara bersama *lah*, gotong-royong.

ZS : Adakah Encik pernah menerima undangan persembahan daripada istana?

NAN : (Ketawa) Pernah! (Mengangguk)

ZS : Adakah Encik pernah mendapat sebarang anugerah khas daripada Raja-raja?

NAN : (Mengangguk) Penggiat lagu rakyat negeri Pahang. Anak Pahang.

ZS : Bagaimanakah Encik boleh digelar sebagai Tokoh Penglipur Lara?

NAN : Bukan saya yang gelar, yang pilih tu [itu] panel [kumpulan orang yg dilantik atau dipilih itu untuk melakukan tugas tertentu] pemilihan. Jadi, saya buat kerja saya macam biasa *kan*, sebab tak [tidak] logik *lah* saya, saya bukan minta kerja isi borang dan sebagainya untuk dinilai, saya buat kerja saya tapi ada pihak yang menantau. Kadang-kadang adalah yang tak [tidak] kena, tapi kita sebenarnya bersedehana *lah* dalam kehidupan dan sebenarnya saya tak [tidak] fikir sangat tentang anugerah-anugerah ni [ini], saya risau team [kumpulan] saya ni berpecah, mungkin disebabkan oleh satu benda yang saya terlepas pandang, saya terkasar bahasa, sebenarnya saya paling takut sekali kumpulan ni [ini] terkubur. Sebab di luar sana, dunia ni [ini] macam-macam, kita tak boleh nak letak sangat sasaran, kita nak minta orang buat ini, kita tak [tidak] perlu. Yang saya risau, saya nak jaga yang ni [ini], macam kita ni [ini] keluarga, kita ada empat orang anak *kan*, bagaimana kita nak menjaga anak kita empat

orang tu [itu], kita lebih risau itu daripada benda di luar tau [tahu]. Anak kita boleh hadapi tak [tidak] hidup diluar, yang penting kena mantapkan keluarga kita dulu dengan anak-anak kita, kalau dalam group seni, kita kena steadykan [kukuhkan] pemikiran diorang [mereka] ni macam Man Kayan juga. Makna nya, jangan cepat melatah, Yang tu je[sahaja] lah.

ZS : Pada tahun berapakah Encik memenangi tempat kedua didalam mencipta lagu Pahang?

NAN : Pada tahun 2010. Sebab benda tu [itu] lebih kepada nak mencuba sejauh mana, dan juga Anak Kayan ketika itu perlu juga diketengahkan dalam bentuk pertandingan, bakat mereka, dan sebagai ketua, kita kena dedahkan mereka dengan pengalaman-pengalaman sebegini dalam industri seni tu [itu] sendiri. Sebab kita tak [tidak] boleh la berada sangat dalam dunia kita, nanti kita, main mana, dalam gua, berlatih dalam gua, orang nya pun tak [tidak] keluar. Camana [macam mana] kita nak kata benda tu diterima atau tidak *kan*. Jadi dengan melalui platform [jaringan] pertandingan, persembahan, persembahan amal, dan sebenarnya kita main juga di jalanan, busking [membuat persembahan jalanan] *kan*. Kadang -kadang orang tanya, "Kau ni dah main sampai Istana Budaya, kenapa main jalanan?". Tak [tidak], dimana bumi dipijak, disitu langit dijunjung, sesekali aku kena berpijak dibumi yang nyata balik, Kembali kepada asal usul aku, tanah! (ketawa) Duduk saja di tanah.

ZS : Encik juga mendapat jemputan persembahan di luar negara. Boleh saya tahu negara apa yang pernah menjemput Encik?

NAN : Sebenarnya, pakcik ada juga menerima undangan daripada negara-negara Eropah. Tapi sebenarnya, kos nya terlalu besar. Sebenarnya orang salah anggap, bila dijemput dinegara orang, pihak yang menjemput tu [itu] hanya menanggung kos hotel [tempat penginapan] dengan makan minum disana je [sahaja], tambangnya kita kena beli sendiri. Let say [katakan], macam pakcik pernah dapat undangan ke Universiti Exeter, London, tapi masatu [masa itu] amat sukar untuk cari tiket, sorang [seorang]

nak dekat empat ribu, untuk sepuluh orang *kan* 40 ribu, dan ketika itu pakcik ni jenis falsafah pakcik eh, “Kalau sepuluh orang tu yang menjayakan, menaikkan nama kumpulan Anak Kayan tu, jangan jemput kami lima orang, apa perasaan yang kena tinggal tu”. So, kalau nak jemput, ketika tu [itu] ada kes yang “Boleh tak kurang *kan* sikit bajet, kami boleh bagi”, (sambil menunjuk tangan tanda bantahan) “No way” [tidak boleh]. Pakcik amat keras benda-benda macam ni [ini], bukan apa, demi anak-anak buah. Kenapa? Let say [katakan], Malaysia. Bukan nak membandingkan la, hantar satu pasukan bola sepak, 11 orang sekali dengan pemain simpanan, sekali dengan pegawai perubatan, kenapa dalam seni ada sepuluh orang, boleh tak [tidak] nak hantar lima je [sahaja]. Kami takkan [tidak akan] bagi, tak cacat ke benda tu? So [jadi], Man Kayan harus perjuangkan benda-benda tu [itu], daripada benda-benda lain, daripada melepaskan diri dia boleh je [sahaja] pergi lima orang, Man Kayan dapat pergi te:ngok oversea [luar negara]. Takde [tidak ada] maknanya (sambil menunjuk tangan tanda tidak setuju). Balik nanti dicemuh. Yang tu penting, bila sebut kenapa taknak [tidak mahu] pergi, memang taknak [tidak mahu] pergi. Dan kita pilih Indonesia sembilan kali, destinasi di Indonesia kerana apa, persamaan budaya! Kita banyak sangat dapat ilmu tentang kesenian melayu, rumpun melayu yang telah terpecah oleh penjajah. Perasan tak [tidak]? Banyak sangat persamaan, jadi jangan wujudkan perbezaan. Taknak [tidak mahu] bergaduh. Apa yang ada kat [dekat] sini sebenarnya ada di seberang. Apa yang ada kat [dekat] seberang ada kat [dekat] sini. Ada di selatan Thailand, ada di selatan Kalimantan, ada di Sulawesi, terpecah dah dunia melayu ni. Sebab tu pakcik akan pergi negara Asia, memang pakcik tak [tidak] lepas peluang. Sepatutnya harini [hari ini] ada di Bumai, tapi sebab komitmen gendang dan sebagainya, batal. So, 20 Julai nanti kita pergi Minang.

ZS : Apakah sumbangan terkini yang Encik berikan kepada masyarakat setempat?

NAN : Sebenarnya kami tak [tidak] berani nak kata sumbangan, kita ibarat macam kita jumpa anak kita, “Kau kena ingat tu, abah dah keluar duit habis untuk membesarkan korang [kamu]”, macam tak [tidak] patut pon ayat tu. Itu sebenarnya tanggungjawab kau sebagai, kau dipertanggungjawabkan, ada masa ada ruang kau buatlah kerja kau.

Jangan tanya aku dah menyumbangkan benda ni, buruk sangat ayat. Jadi, sumbangan tu [itu] sebenarnya, kita ni [ini] semua saling menyumbang, makna nya kami bagi yang ni, penonton bagi yang ni, orang yang menjemput bagi yang ni, dalam dunia ni elok dikatakan, pakcik berterima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan segala-galanya untuk kami terus hidup. Maknanya sumbangan tu [itu] dari segi menghargai kerja, semangat. Kita kadang-kadang sumbangan dari segi harapan, sumbangan dari segi memberi semangat, bagi duit, beri dana, memberi dorongan, tu [itu] adalah sumbangan sebenarnya. Kita berterima kasih kepada semua sumbangan *kan*, tenaga, idea, wang ringgit dan sebagainya yang masih menyebabkan kami kekal selepas 15 tahun. Bukan kami bagi sumbangan, semua bagi sumbangan.

ZS : Adakah Encik merasakan masyarakat kini akan memanfaatkan sebaiknya apa yang Encik telah sumbangkan?

NAN : *Kan* ada pesan awal-awal jangan mengeluh, terima seadanya *kan*. Kita tak [tidak] boleh banyak sangat mengeluh, nanti dia akan menyusahkan. Sebab era [masa] kini dah macam tu [itu] dah, dari segi banyak benda, dari segi pemakaian, dari segi permainan, ada resam pon dah berubah mengikut zaman. So [jadi] tugas pakcik ni [ini] hanya melambatkan proses pupus je [sahaja]. Mempertahankanlah. Tapi kalau nak pupus tu [itu], pupus jelah. Nak buat macam mana *kan* (ketawa). Itu jelah [sahaja lah], so [jadi] kita lebih tenang. Nanti kalau kita kata kita berkeras, masyarakat nak terima ke? Tak boleh terima, jadi panas la.

TAMAT BAHAGIAN H

D) HARAPAN DAN NASIHAT DALAM INDUSTRI

ZS : Sebagai seorang yang amat mencintai bidang seni batik, adakah umur menjadi penghalang untuk encik bergiat aktif dalam bidang ini?

NAN : *Kan* kata kerja seni takde [tidak ada] umur pencen (ketawa), takdela [tidak ada *lah*], tak [tidak] menghalang selagi hayat dikandung badan, selagi direstui, diizinkan oleh-Nya, malas nak letak *lah*, malas nak membuat janji palsu, dan kadang-kadang kita tak [tidak] sedar benda-benda ni [ini] pun, ini je [sahaja] sumbangan kita untuk kerja-kerja amal, tugas aku dia boleh menyatukan umat, dan kerja seni itu pun, ahli seni pun sama-sama turut bergotong-royong, sama-sama dalam kerja-kerja masyarakat, dalam satu benda yang baik *lah*. Cukuplah.

ZS : Sebagai seorang yang arif tentang bidang ini, apakah pandangan encik terhadap seni muzik pada masa ini?

NAN : Boleh diceritakan, Man Kayan tak [tidak] kisah pon apa yang terjadi di luar tu [itu], malas nak mengeluh sebab nak tahan macam mana, dunia dah tak [tidak] macam dulu *kan*, dulu tv (televisyen) ada dua channel (siaran) je, sekarang banyak channel [siaran], radio pon banyak channel [siaran], jadi saluran untuk masuk tu [itu] memang sukar untuk dihalang. So [jadi], kita biar je [sahaja] dulu diorang [mereka] macam tu [itu], kita dengan kita, kita tetap kita *lah*.

ZS : Apakah yang diperlukan oleh seseorang itu untuk menghasilkan seni muzik yang terbaik? Adakah minat atau bakatnya? Atau perkara lain?

NAN : Kesungguhnya! Minat, bakat boleh asuh. Kesungguhan itu penting.

ZS : Pada pandangan encik, apakah kriteria utama untuk menjadi seorang pemuzik?

NAN : Satu jawapan je [sahaja], kesungguhan. Satu jawapan boleh untuk 50 soalan kadang-kadang. Betul dak [tidak]?

ZS : Betul!

NAN : Haa. (ketawa)

ZS : Apakah pendapat encik mengenai anak-anak muda yang menganggap seni muzik tradisional ini tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya?

NAN : Itu soalan paling bahaya. Bila kita terjerat, kita ni [ini] menyalahkan anak muda. Macam mana anak muda nak respect [hormat] kita. Kita berdamping *lah* dengan mereka. Tu je [itu sahaja] jawapannya senang. Jangan terus menuding jari, “ni la anak muda taknak ni”, tak! Diorang [mereka] tak [tidak] didekatkan dengan benda-benda macam tu, macam mana, kita pun tak [tidak] pergi dekat dengan dia, Duk [duduk] menyalak daripada jauh tak [tidak] guna jugak. Betul dak [tidak]?

ZS : Betul.

ZS : Untuk mengekalkan momentum dan semangat dalam bidang ini tidaklah mudah, jadi apakah nasihat encik?

NAN : Pasrah (ketawa). Redha. Terima seadanya *lah*. Tenang *kan* jiwa. Itu ajelah [sahaja *lah*]. Benda ni [ini] kita tak [tidak] jangka *lah*, ribut dan taufan datang melanda, kita berserahlah. Kita dah berusaha kearah tu [itu] *kan*, kita bukan nak kata memasang impian tu [itu] tanpa menggerakkan apa-apa, kita dah [sudah] buat semua benda dah [sudah], jadi berserah, pasrah.

ZS : Apakah pendapat encik terhadap Seni Muzik Tradisional pada negara kita?

NAN : Mengeluh tu [itu] menyusahkan, so [jadi] kita kena bertahan dengan apa yang ada. Dan kalau kita dapat gali yang baru lagi molek [bagus], yang mana, yang lama, yang kita hidupkan kembali, kita dapat cari dekat mana sumber-sumber dia, dia ada, benda ni [ini] ada hidup, dia macam separuh orang ni [ini] simpan, separuh orang ni simpan, jadi kita dapat kumpulkan balik, hidupkan balik, satu benda yang molek. (menerangkan baiknya sekiranya dapat menemui seni muzik tradisional yang baharu)

ZS : Apakah harapan encik terhadap Seni Muzik Tradisional?

NAN : (ketawa) Harapan? Harapan ni [ini] sebenarnya, kalau kepada pakcik ni [ini] *kan*, memang takut sangat nak letak harapan, sebabnya harapan kami ni [ini], kadang-kadang tak seiring sangat dengan diluar sana, harapan tu [itu] hanya bermain kadang-kadang kami disini memang mempunyai satu harapan, tapi kita jarang letakkan tu [itu] sebagai kita punya misi dan visi. Kita hanya letakkan, kita kekalkan benda ni [ini], kita bersama dulu, banyakkann kita tujukan kepada kita je [sahaja], sesama kita dulu. Sebab kita yang pegang benda ni [ini], dan di luar sana, kita tak [tidak] kisahlah orang taknak [tidak mahu] ke, nak [mahu] ke, sebab kita boleh buat persembahan kat [dekat] sini, dan orang luar boleh datang, sebagaimana para pelajar dari luar negara, USA datang dulu *kan*. Ada banyak dah [sudah] daripada IPTA [Institusi Pengajian

Tinggi Awam], rombongan-rombongan, bas-bas, satu bas dua bas pon ada. Sebenarnya kita dah [sudah] tak [tidak] kisah sangat, cuma kita impikan satu tempat yang lebih selesa *lah*, tapi kita tak [tidak] minta, kita tengok ada orang nampak tak [tidak]. Ha! (sambil menggerakkan tangannya)

ZS : Apakah nasihat yang boleh encik berikan kepada generasi sekarang yang ingin menceburi bidang seni muzik tradisional?

NAN : Nasihat eh? Macam mana nak bagi nasihat, kita pun tak [tidak] berapa nak okay [baik] juga ni [ini], biar dia dengan rela hati *lah*, kesedaran tu [itu] datang kepada diri sendiri *lah*, mungkin pengalaman anak muda ni [ini] lain-lain, kadang-kadang, begitu juga dengan pakcik ni [ini] *kan*, kenapa membuatkan pakcik terlibat bidang ni [ini], sebab masa kecil pakcik ni [ini] duduk dengan benda ni sebab duduk kem askar *kan*. Jadi, kesedaran tu [itu] datang daripada diri diorang [mereka], bukannya kita paksa. Paksa ni [ini] kadang dia tak [tidak] jadi sangat, so [jadi] kita akan terima sesiapa saja anak muda yang ingin berkongsi pengalaman dengan kita. Kita tidak paksa, kita tidak minta. Dia nak datang, datang, tempat ni [ini] sentiasa terbuka, tu je [itu sahaja].

ZS : Betul.

ZS : Adakah encik pernah membuat persembahan dengan kelab-kelab seni yang lain?

NAN : Memanglah, sebab dalam serindit ni sebenarnya, untuk makluman adik-adik, diorang [mereka] ni [ini] ada yang juruan masing-masing, ada yang in-charge [bertanggungjawab] nya, so [jadi] dalam kelab Serindit yang tidak didaftarkan ni [ini], kami minum kopi disitu *kan*, kami berpikir bagaimanakah kita nak buat benda ni [ini], kadang-kadang kita bantu member [kawan] dia, dia akan tanya anak kayan, korang [kamu] kena buat macam ni, kita merangka strategi, dan dalam kelab Serindit ni [ini] sebenarnya dia banyak NGO [non-governmental organization] [pertubuhan bukan kerajaan] yang bernaung di bawah ni [ini], ada individu pon, yang hanya dah jadikan

kelab serindit tu [itu] tempat kita untuk bersama-sama memikirkan kaedah perjalanan. Jadi bila dah [sudah] sama-sama, Anak Kayan keluar dengan cara Anak Kayan disini, tapi disitu tu [itu] Serindit, yang tadi ramai-ramai tu [itu] group silat lain, tapi diorang [mereka] ni [ini] dah berlatih main gendang disini, dia tidak diikat dengan kumpulan Anak Kayan. Tapi ada acara gendang, diorang [mereka] *lah* pergi, sebab ilmu kita dah bagi, pakailah baju dalam tu [itu], Budak-budak silat tu [itu], diorang [mereka] sukalah. Nampak tak [tidak]? Kelab serindit ni [ini] dia, kita tak [tidak] boleh daftarkan nama dia, sebab nama tu [itu] orang kata macam tak [tidak] berapa suci, Seperti macam diorang [mereka] mungkin dibandingkan seperti melepaskan angin yang tersepit, Kita tak gunakan perkataan angin, Kita guna, terjemah sikit eh takpe [tidak apa] panjang, “Kelab Serindit Mati Tersepit” bakatnya, kemampuannya jika dia bersendirian tapi kita buatkan tik tik tik tik tik (menunjukkan titik), apa yang tersepit? Bakat dia. Tapi sekiranya panjang lagi, serindit ni [ini] bergabung, dia akan menghasilkan satu kumpulan yang kuat, gagah sebab mereka ramai dengan berbagai versi warna dan sebagainya. Anugerah yang ada pada segerombolan serindit yang terbang ramai-ramai (menunjuk gaya seolah burung terbang). Nampak tak? Jadi kita menimbulkan nama yang orang nak tanya, takkan “Kumpulan seni budaya belia harapan bangsa kampung mana-mana --- (sambil mengangkat tangannya). Cliché [klise] *kan?* (ketawa)

ZS : Sewaktu MCO bagaimanakah kelab ini beroperasi?

NAN : MCO [Movement-Control Order] tu [itu] pkp [Perintah Kawalan Pergerakan]?

ZS : Haah pkp [Perintah Kawalan Pergerakan].

NAN : Kita saling membantu *lah*, pakcik pon dari segi ekonomi agak terjejas, adalah kawan-kawan yang bagi sumbangan dari segi apa-apalah (bunyi kenderaan). Kami saling membantu, bertanya khabar dalam kelab Serindit tu [itu], apa yang perlu dibantu (batuk) ada yang sakit, ada yang pening dan sebagainya. Begitulah kerjanya, pentingnya satu group-group [kumpulan-kumpulan] yang begini *kan*. Bukan sahaja

kita membicarakan tentang seni, kadang member accident [kemalangan], kita ramai-ramai tolong pakat hantar pergi hospital. Jadi seni ni [ini] ada suatu benda yang persamaan dalam jiwa kita, tapi benda-benda lain jangan kita kata, “oh tak seni la”, tak boleh, kita kena saling membantu. Jadi bagaimana - - -, kita dah berkenalan dengan seni, benda-benda lain yang bukan topik seni pon kita boleh bekerjasama. Itu jelah [sahajalah] faedahnya. tu je [itu sahaja] kot rasanya.

TAMAT BAHAGIAN I

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Pada 27 Jun 2023, Nur Adilah binti Abdul Rahman, Zainatul Sahira binti Mat Jais dan Intan Syahirah binti Ramli telah menjalankan sesi temubual bersama Encik Norazman bin Norawi yang merupakan seorang adiguru gendang lagu rakyat dan seorang pemain gendang tradisional Pahang. Temubual ini berlangsung pada hari Selasa jam 12.00 tengahari dan bertempat di Pusat Kesenian Anak Kayan, Kuantan Pahang.

BAHAGIAN PENGENALAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.00 – 0.52	Sesi Pengenalan	Nur Adilah binti Abdul Rahman UiTM Machang

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.53 – 4.01	Sesi pengenalan diri Encik Norazman bin Norawi.	Norazman bin Norawi Digelar ‘Man Kayan’ Berumur 57 Tahun Dilahirkan pada Luas, Temerloh Menetap di Kuantan
4.02 – 8.50	Tokoh menceritakan tentang keluarga beliau.	Berkahwin pada tahun 1988 Isteri bernama Surirumah sepenuh masa Mempunyai empat orang anak Ayah beliau Bernama Ibu bernama Mempunyai 11 orang adik-beradik Merupakan anak sulung

8.51 11.46	– Tokoh menceritakan tentang hobi beliau.	Bermain bola sepak Meminati barang-barang klasik Menyertai kelab motosikal klasik
11.47 13.08	– Tokoh menceritakan tentang cita-cita beliau ketika kecil.	Bercita-cita menjadi askar.

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
13.09 16.18	– Latar belakang pendidikan tokoh	Bersekolah rendah di Kluang Johor dan Port Dickson. Bersekolah Menengah Sains Negeri Sembilan.
16.19 17.28	– Tokoh menceritakan tentang Mata Pelajaran yang beliau minati.	Mata Pelajaran yang diminati adalah Bahasa Malaysia.
17.29 18.27	– Tokoh menceritakan tentang guru yang beliau masih ingati.	Guru yang mengajarnya Bahasa Malaysia.
18.28 19.03	– Tokoh menceritakan tentang kelab persatuan yang disertai di sekolah dahulu.	Persatuan Sejarah. Persatuan Bahasa Melayu. Kelab Budaya.
19.04 22.52	– Tokoh menceritakan tentang pencapaian beliau sepanjang pengajian.	Ditawarkan bekerja sambil bersukan.

BAHAGIAN C: LATAR BELAKANG KERJAYA AWAL TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
22.53 26.45	– Tokoh menceritakan tentang perkerjaan beliau dahulu.	Berkerja di Yayasan Pahang selama lima tahun. Berkerja di Hong Kong Bank Malaysia (HSBC) selama lima belas tahun.

		Mendapatkan pekerjaan melalui pengisian borang di bank-bank yang berkenaan.
26.46 – 27.31	Tokoh menceritakan tentang sumbangannya ketika berkhidmat di tempat kerja dahulu.	Menyumbangkan tenaga dengan melakukan kerja tanpa bergaduh, dipecat atau mana-mana tindakan disiplin.
27.32 – 28.40	Tokoh memberitahu tentang pekerjaan sampingan lain yang dilakukan.	Membantu dalam pembinaan bangunan. Membantu dalam kerja-kerja landskap seperti menanam pokok dan sebagainya.
28.41 – 29.59	Tokoh menyatakan tentang keputusan beliau untuk berhenti kerja.	Berbincang dan membuat keputusan bersama isteri.
30.00 – 39.53	Tokoh menceritakan tentang pekerjaan yang diceburinya sekarang.	Bekerja sepenuh masa dalam bidang seni. Separuh masa sebagai tukang jahit baju persembahan. Tiada perancangan untuk menceburkan diri dalam kerjaya sekarang. Tidak dibantah oleh Masyarakat. Persiapan awal adalah dari segi mental.
39.54 – 41.33	Tokoh memberitahu penyebab utama beliau kekal dengan pekerjaan sekarang.	Sokongan daripada keluarga dan kawan-kawan. Bertahan selagi mana semua menerima beliau seadanya
41.34 – 43.21	Tokoh menceritakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan di tempat kerja dahulu.	Peringkat awal ketika beliau jatuh memberi pengalaman berharga yang tidak sama dengan orang lain.

BAHAGIAN D: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI MUZIK TRADISIONAL

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
43.22 – 46.00	Tokoh menceritakan bagaimana beliau mula berminat bermain alatan muzik tradisional.	Kepuasan di dalam berkarya. Mula mendapat ramai kawan. Seni tidak menyusahkan.
46.01 – 50.35	Tokoh menceritakan pendedahan alatan muzik tradisional terhadap beliau.	Diperkenalkan melalui media televisyen dan majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan.
50.36 – 54.19	Tokoh menyatakan sebab utama beliau bertekad berkerja dalam bidang seni.	Bebas dari ikatan kerja. Mahu menerokai lagi apa yang masih belum diteroka dengan bakat yang ada. Dapat menghayati dan mengingati kesenian secara rapat.
54.20 – 57.22	Tokoh menyatakan umur beliau bergiat aktif dalam bidang ini.	Selepas berumur 40 tahun iaitu selepas bebas daripada tekanan kerja.
57.23 – 1.00.27	Tokoh menerangkan mengapa memilih bidang seni muzik tradisional berbanding yang lain.	Kerana kepuasan dan sayangnya pada seni melayu tersebut.
1.00.28 – 1.01.53	Tokoh memberi klarifikasi mengenai halangan dari keluarga atau kenalan.	Tidak pernah menghaiang.
1.01.54 – 1.05.52	Tokoh menceritakan tentang penyertaan beliau dengan program luar.	Ada menyertai kursus seni pada awalnya. Menyertai pelbagai pertandingan pada awal penubuhan Kumpulan Anak Kayan.
1.05.53 – 1.07.03	Tokoh memberitahu cabaran memperjuang seni muzik tradisional.	Tahap kesihatan yang tidak baik. Lebih cenderung memikirkan perkara lain.
1.07.04 – 1.10.04	Tokoh memberitahu perasaan beliau apabila seni muzik tradisional mula dikenali ramai.	Tidak kisah sama ada seni diterima atau tidak asalkan pemuzik mesti berpendirian tetap.

BAHAGIAN E: PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI PENYANYI LAGU RAKYAT

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.10.05 – 1.16.26	Tokoh mengulas lanjut mengenai lagu rakyat.	Pencipta lagu rakyat adalah dari nenek-moyang terdahulu yang diwarisi hingga ke generasi kini. Idea dan ilham hadir daripada lagu-lagu rakyat terdahulu. Sering memainkan lagu terbang tebu.
1.16.27 – 1.19.06	Tokoh menerangkan tentang persediaan untuk melakukan persembahan.	Persediaan perlu dilakukan dari segi mental dan menerima segala kemungkinan.
1.19.07 – 1.19.59	Tokoh menyatakan jika beliau pernah menolak sebarang tawaran melakukan persembahan.	Pernah menolak atas faktor tahap kesihatan yang tidak baik, jadual yang padat dan modal atau tenaga yang banyak perlu dikeluarkan.
1.20.00 – 1.21.49	Tokoh menjelaskan tentang aktiviti kemasyarakatan beliau.	Melakukan persembahan iaitu projek seni dengan Kerajaan. Lawatan tetamu ke Kelab Serindit Mati Tersepit.

BAHAGIAN F: PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI SEORANG PEMAIN GENDANG PAHANG

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.21.49 – 1.22.11	Tokoh memberitahu tentang alat muzik tradisional kegemarannya.	Gendang Ibu Gendang Anak Rebana
1.22.12 – 1.23.45	Tokoh menerangkan tentang gendang tradisional Pahang yang dipelajarinya.	Dipelajari dari orang-orang lama di kampung beliau.

		Masa untuk mahir bermain gendang bergantung kepada usaha dan kekerapan latihan seseorang. Mengajar anak murid beliau menggunakan gendang.
1.23.46 – 1.24.35	Tokoh memberitahu kesukaran mendapatkan alatan muzik tradisional pada masa kini.	Sukar untuk dapatkan alat muzik yang asli mengikut negeri masing-masing.
1.24.36 – 1.25.55	Tokoh menceritakan tentang kelas gendang yang dilakukan.	Tidak mempelajari dan menghadap benda yang sama. Pasukan terdiri daripada Kumpulan silat.
1.25.56 – 1.27.11	Tokoh memberitahu tentang persediaan sebelum melakukan persembahan gendang.	Percaya pada diri dan kemampuan. Jangan rasa bangga dan riak. Menghormati karya seni-seni lama.
1.27.12 – 1.27.29	Tokoh memberitahu mengenai nasihat yang sering diberikan kepada anak didiknya.	Jangan lupa diri. Percaya pada proses. Jangan cerewet sangat.
1.27.30 – 1.28.06	Tokoh memberitahu tentang bengkel atau ceramah yang dikendalikan.	Ada dijemput untuk mengadakan ceramah atau bengkel supaya dapat berkongsi dengan masyarakat.

BAHAGIAN G: KELAB SERINDIT MATI TERSEPIIT

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.28.07 – 1.32.12	Tokoh menceritakan tentang sejarah penubuhan kelab.	Kelab Serindit Mati Tersepiit ditubuhkan pada tahun 2018. Anak Kayan ditubuhkan pada tahun 2008. Nama kelab diinspirasikan daripada burung serindit yang terbang berkumpulan. Fungsi penubuhan adalah untuk berkongsi kepuasan dalam seni dengan Masyarakat.

		Tidak mementingkan modal kerana kepuasan adalah tujuan utama.
1.32.13 - 1.32.47	Tokoh memberitahu tentang individu yang banyak membantu beliau membangunkan kelab.	Isteri yang paling banyak membantu dan memberi semangat.
1.32.48 - 1.34.12	Tokoh memberi penjelasan tentang bilangan ahli kelab yang terkini.	Jumlah ahli kini hampir mencecah seratus orang.
1.34.13 - 1.34.31	Tokoh menyatakan tentang had umur untuk menyertai kelab.	Tiada had umur asalkan saling hormat-menghormati.
1.34.14 - 1.34.45	Tokoh memberitahu tentang pengoperasian kelab itu setakat ini.	Beroperasi dengan baik, aman dan sentosa.

BAHAGIAN H: PENCAPAIAN/ANUGERAH/SUMBANGAN TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.34.46 - 1.36.56	Tokoh menjelaskan tentang anugerah yang beliau perolehi.	Segala anugerah yang diperolehi adalah daripada titik peluhnya dan ahli kelab
1.36.57 - 1.37.38	Tokoh memberitahu tentang pencapaiannya yang terbaik.	Pencapaian paling baik adalah dimana setiap persembahan akan datang dengan keangan manis yang dijadikan sebagai pengalaman.
1.37.39 - 1.38.09	Tokoh memberitahu tentang kejayaan yang paling diingati.	Hidup Sentosa. Isteri tidak menghalang, keluarga dan masyarakat menerima karier. Masih menerima undangan dan jemputan untuk membuat persembahan.
1.38.10 - 1.38.55	Tokoh menjelaskan jika pencapaiannya menjadikan beliau lebih bermotivasi.	Apabila sudah jauh perjalanan seni dan sudah diberi tanggungjawab dan amanah maka harus diteruskan, tidak boleh berpatah balik.

1.38.56 – 1.39.32	Tokoh menerangkan tentang kerjasamanya dengan pihak luar sepanjang karier.	Berkerjasama yang dimaksudkan adalah melalui komunikasi dengan orang sekeliling, masyarakat setempat, dan para pelajar dengan tujuan dapat mempromosikan lagi seni muzik tradisional ini secara lebih meluas di dalam komuniti.
1.39.33 – 1.39.57	Tokoh memberitahu tentang pencapaian yang ingin dicapai pada usia kini.	Pencapaian yang diharapkan adalah berharap seni ini ada penyambungunya iaitu pewarisnya.
1.39.58 – 1.40.40	Tokoh memberitahu tentang projek khas beliau terkini.	Projek khas ada tetapi tidak begitu dirancang. Sedia menerima apa sahaja perkara dan tugas yang akan datang.
1.40.41 – 1.42.18	Tokoh menceritakan tentang kesan daripada perkembangan karier beliau.	Banyak membuka mata ramai orang untuk datang berkunjung melihat aktiviti seni beliau. Kumpulan ‘Anak Kayan’ dan ‘Kelab Serindit Mati Tersepit’ semakin dikenali dan kini mempunyai peminat.
1.42.19 – 1.43.22	Tokoh menerangkan jika target dan tujuan sebenar telah tercapai.	Masih diusahakan secara berperingkat untuk menyerahkan kuasa, ilham, dan sebagainya kepada generasi baru. Masing-masing dah menyedari peranan mereka untuk menjaga kesenian ini secara bersama-sama.
1.43.23 – 1.43.41	Tokoh memberitahu tentang undangan dan anugerah khas daripada Raja-raja.	Pernah menerima undangan untuk melakukan persembahan dari istana. Anugerah khas yang diperolehi daripada Raja-raja adalah Anugerah Penggiat Lagu Rakyat Negeri Pahang.

1.43.42 – 1.45.03	Tokoh menjelaskan tentang lantikan sebagai Tokoh Penglipur Lara.	Dilantik oleh panel kerana telah berjaya melakukan tugas-tugas tertentu.
1.45.04 – 1.46.03	Tokoh menyatakan tahun dimana kemenangan mencipta lagu.	Pada tahun 2010 memenangi tempat kedua dalam mencipta lagi Pahang.
1.46.04 – 1.47.35	Tokoh menyatakan negara-negara yang pernah menjemput beliau.	Negara-negara Asia: Banyak menerima undangan dari negara-negara Eropah seperti Universiti Exeter, London. Namun banyak kekangan dari segi kos tambang.
1.47.36 – 1.49.07	Tokoh menjelaskan sumbangan terkini.	Memberikan persembahan yang sehabis baik. Melakukan tanggungjawab sebaiknya.
1.49.08 – 1.49.56	Tokoh menjelaskan sekiranya masyarakat kini memanfaatkan apa yang telah disumbangkan.	Jangan mengeluh dan terima seadanya. Jangan berkeras dengan Masyarakat.

BAHAGIAN I: HARAPAN DAN NASIHAT DALAM INDUSTRI

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.49.57 – 1.50.50	Tokoh menerangkan tentang umur dan halangan untuk berseni.	Umur tidak menghalang selagi direstui dan diizinkan oleh-Nya.
1.50.51 – 1.51.32	Tokoh memberi pandangan terhadap seni muzik kini.	Tidak kisah dan tidak mahu mengeluh asalkan beliau menjalankan apa yang sepatutnya.
1.51.33 – 1.52.09	Tokoh menyatakan keperluan untuk menjadi pemuzik yang baik	Kesungguhan. Minat dan bakat boleh diasuh.
1.52.10 – 1.52.40	Tokoh memberi pendapat tentang tanggapan anak muda.	Harus berdamping dengan mereka. Memberi pendedahan sepenuhnya tentang alat muzik tradisional.

1.52.41 – 1.53.13	Tokoh memberi nasihat untuk kekal semangat dalam bidang ini.	Pasrah. Redha. Terima seadanya. Tenangkan jiwa.
1.53.14 – 1.53.51	Tokoh memberi pandangan mengenai seni muzik tradisional dalam negara Malaysia.	Bertahan dengan apa yang ada. Hidupkan kembali yang lama, satu ilmu seni yang baik.
1.53.52 – 1.55.12	Tokoh menyatakan harapan beliau terhadap seni muzik tradisional.	Dapat mengekalkan seni muzik tradisional.
1.55.13 – 1.56.09	Tokoh memberikan nasihat kepada generasi kini yang menceburi bidang seni ini.	Biarkan kesedaran datang dengan rela hati. Sentiasa terbuka untuk berkongsi pengalaman dengan mereka.
1.56.10 – 1.58.06	Tokoh menjelaskan tentang pengalaman persembahan dengan kelab seni lain.	Banyak berkerjasama membuat persembahan dengan kelab lain seperti pihak NGO dan sebagainya.
1.58.07 – 1.59.15	Tokoh menceritakan tentang pengoperasian kelab ketika negara sedang dikuarantinkan(PKP).	Saling membantu. Ekonomi agak terjejas. Kenalan menghulurkan sumbangan. Ahli kelab saling bertanya khabar dan bantu-membantu.

PENUTUP

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.59.16 – 1.59.56	Sesi penutup	Nur Adilah binti Abdul Rahman UiTM Machang

GLOSARI

GLOSARI

Anugerah	Pemberian berupa hadiah dan sebagainya yang besar nilainya (daripada Allah, pemerintah atau negara dan lain-lain)
Asuh	Memelihara dan memberi tunjuk ajar, menjaga dan mendidik, memimpin dan membimbing
Bersara	Berhenti berkhidmat apabila mencapai umur tertentu, (kerana lanjut usia atau atas sesuatu sebab)
Busana	Pakaian yang lengkap dan indah-indah buatannya
Falsafah	Pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain
Gendang	Sejenis alat muzik daripada kayu bulat panjang yang berongga dan direntang dengan kulit
Karya	Kerja, buatan atau ciptaan (seni dan lain-lain)
Kayu-kayan	Serba jenis kayu, bermacam-macam jenis kayu
Kebudayaan	Kesenian atau cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir) serta hasil kegiatan atau penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu Masyarakat
Klasik	Mempunyai sifat-sifat yang lama atau tidak dipakai lagi
Kuasa Veto	Hak atau kuasa menolak sesuatu keputusan atau membatalkan

Landskap	Lukisan pemandangan alam sesuatu kawasan yang mengandungi unsur-unsur seperti bukit bukau, sungai, dan tumbuh-tumbuhan, terutamanya pemandangan pedesaan
Majoriti	Sebahagian atau sebilangan terbesar
Melatah	Mengeluarkan perkataan atau membuat sesuatu dengan tidak sengaja kerana terperanjat dan sebagainya
Menyalak	Mnegeluarkan bunyi yang keras (menggonggong)
Musik Tradisional	Gubahan bunyi yang berkaitan dengan, bersifat, atau mengikut tradisi: dalam kesusasteraan lama gaya bahasa dan teknik bercorak
Sastera	Bandingan kajian dan huraian tentang pertalian antara pelbagai sastera dari berbagai-bagai negara dan bangsa
Seni	Karya (sajak, muzik, dan lain-lain) yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripda sesuatu ciptaan.
Serindit	Sejenis burung (bulunya berwarna hijau).
Srikandi	Wanita yang gagah berani, pahlawan Wanita
Sumbangan	Sesuatu yang diberikan sebagai bantuan kepada keramaian
Wakaf	Sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma), sesuatu yang diberikan atau diuntukkan bagi keperluan dan sebagainya

Yayasan Pahang

Pertubuhan yang dibentuk untuk mengusahakan sesuatu (seperti sekolah, badan penyelidikan, badan yang mengeluarkan biasiswa, dan lain-lain)

LAMPIRAN

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 – Senarai soalan temu bual

AYAT PERMULAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni muzik tradisional. Bersama-sama kami ialah Encik Noor Azman bin Norawi yang merupakan seorang Adiguru Gendang Lagu Rakyat dan seorang pemain gendang tradisional Pahang. Beliau juga adalah Pengerusi Persatuan Kesenian Anak Kayan Dan Kelab Serindit Mati Tersepit. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 Jun 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 12 tengah hari bertempat di Pusat Kesenian Anak Kayan Kuantan Pahang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Adilah, Intan Syahirah, dan Zainatul Sahira. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

A. LATAR BELAKANG TOKOH

***Assalamualaikum encik, mengenai latar belakang encik**

1. Bolehkah saya tahu nama penuh encik?
2. Adakah encik mempunyai nama panggilan?
3. Berapakah umur encik?
4. Dimanakah encik dilahirkan?
5. Boleh saya tahu encik menetap di mana sekarang?
6. Sudah berapa lama pak cik berkeluarga?
7. Apa nama isteri pak cik?
8. Apa pekerjaan isteri pak cik?
9. Berapa orang anak pak cik?
10. Umur mereka berapa?
11. Boleh saya tahu nama penuh kedua ibu bapa pak cik?
12. Berapa bilangan adik-beradik encik?
13. Apa hobi atau aktiviti yang pak cik lakukan selian daripada bermain alat-alat muzik?
14. Apa cita-cita pak cik sewaktu kecil dahulu?

B. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

*** Seterusnya,**

15. Boleh pak cik kongsi tentang latar belakang pendidikan pak cik? Sekolah rendah, sekolah menengah?
16. Sekolah rendah nama apa?
17. Apakah matapelajaran yang paling diminati?
18. Siapakah guru yang paling diingati semasa zaman persekolahan?
19. Apakah persatuan kelab yang pak cik pernah sertai waktu belajar?
20. Apakah pencapaian terbaik pak cik pernah perolehi sepanjang belajar?

C. LATAR BELAKANG KERJAYA AWAL TOKOH

*** Sebelum encik berkecimpung dalam seni muzik tradisional,**

21. Di manakah tempat pak cik mula-mula bekerja?
22. Berapa lama pak cik bekerja di situ?
23. Apakah sumbangan pak cik sepanjang berkhidmat di tempat tersebut?
24. Adakah pak cik ada melakukan pekerjaan sampingan lain?
25. Adakah pak cik yang membuat keputusan sendiri daripada pekerjaan tersebut?
26. Apakah pekerjaan pak cik sekarang?
27. Bagaimana pak cik boleh menceburkan diri dalam kerjaya sekarang?
28. Apakah pandangan kenalan rapat pak cik, setelah pak cik membuat keputusan menukar bidang pekerjaan?
29. Apakah persiapan awal yang pak cik lakukan sebelum memulakan pekerjaan sekarang?
30. Apakah yang menjadi penyebab utama pak cik kekal di pekerjaan sekarang?
31. Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan di tempat kerja dahulu?

D. PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI MUZIK TRADISIONAL

*** Berkenaan penglibatan encik dalam bidang muzik tradisional,**

32. Sejak bila timbulnya minat encik bermain alat muzik tradisional?
33. Siapakah yang mula-mula mendedahkan muzik tradisional ini kepada encik?

34. Apakah sebab-sebab utama yang membuatkan Encik berminat dan bertekad untuk bekerja di dalam industri seni muzik?
35. Pada umur berapakah Encik mula bergiat aktif dalam seni muzik tradisional Pahang?
36. Industri seni mempunyai pelbagai cabang pekerjaan, boleh Encik terangkan mengapa Encik memilih bidang seni muzik tradisional berbanding yang lain?
37. Pernahkah ahli keluarga atau mana-mana kenalan Encik menghalang Encik untuk menceburi bidang seni muzik tradisional?
38. Adakah encik pernah mengikuti kursus-kursus professional berkaitan dengan bidang seni muzik tradisional?
39. Adakah Encik pernah menghadiri mana-mana uji bakat yang menggunakan alatan muzik?
40. Apakah cabaran yang encik hadapi dalam memperjuangkan seni muzik tradisional?
41. Apakah perasaan encik apabila seni muzik tradisional ini mula dikenali orang ramai?

E. PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI PENYANYI LAGU RAKYAT

*** Sebagai seorang penyanyi lagu rakyat,**

42. Boleh saya tahu, adakah encik sendiri yang mencipta lirik-lirik lagu rakyat tersebut?
43. Bagaimanakah encik mendapatkan ilham untuk menghasilkan lagu rakyat?
44. Apakah lagu rakyat Pahang yang sering Encik persembahkan?
45. Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum encik membuat persembahan?
46. Adakah Encik pernah menolak sebarang tawaran untuk melakukan persembahan?
47. Adakah encik pernah terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan?

F. PENGLIBATAN TOKOH SEBAGAI SEORANG PEMAIN GENDANG PAHANG

*** Sebagai seorang pemain gendang,**

48. Apakah alat muzik kegemaran Encik?
49. Dari manakah encik belajar bermain gendang tradisional Pahang ini?

50. Berapa lamakah masa yang diambil untuk mahir bermain gendang tradisional ini?
51. Apakah alat muzik tradisional lain yang encik gunakan untuk mengajar anak murid encik?
52. Adakah sukar untuk mendapatkan alat muzik tradisional pada zaman sekarang?
53. Bolehkah saya tahu, dalam seminggu berapa kali kelas bermain gendang diadakan?
54. Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum encik membuat persembahan?
55. Apakah nasihat yang sering encik berikan kepada anak-anak didik encik?
56. Selain daripada dipanggil untuk membuat persembahan, adakah encik sering dijemput untuk mengendalikan bengkel seni atau ceramah mengenai bidang seni muzik tradisional?

G. KELAB SERINDIT MATI TERSEPIT

*** Mengenai Kelab Serindit Mati Tersepit,**

57. Bilakah Encik menubuhkan kelab tersebut?
58. Bagaimana Encik mendapat inspirasi untuk menamakan kelab ini?
59. Apakah fungsi Encik menubuhkan kelab ini?
60. Berapakah modal yang diperuntukan untuk menubuhkan kelab ini?
61. Siapakah yang membantu Encik untuk membangunkan kelab ini?
62. Berapa orang ahli kelab ini sekarang?
63. Kiranya untuk sertai kelab ini tidak ada had umur kan?
64. Bagaimana kelab ini beroperasi setakat ini?

H. PENCAPAIAN/ANUGERAH/SUMBANGAN TOKOH

*** Memandangkan encik sudah lama berkecimpung dalam bidang seni muzik tradisional,**

65. Apakah anugerah pertama yang Encik perolehi?
66. Apakah pencapaian yang paling terbaik pernah Encik capai?
67. Apakah kejayaan yang paling Encik ingati sepanjang karier Encik?
68. Adakah pencapaian Encik sekarang menjadikan Encik lebih bermotivasi bekerja dalam bidang ini?

69. Pernahkah Encik bekerjasama dengan sesiapa sepanjang karier Encik?
70. Pencapaian apakah yang Encik ingin capai pada usia Encik kini?
71. Adakah Encik mempunyai apa-apa projek khas buat masa kini?
72. Adakah kesan atau perubahan terhadap keluarga Encik disebabkan oleh perkembangan karier Encik?
73. Adakah selepas memperolehi anugerah, kumpulan yang Encik tubuhkan mula mendapat nama dalam masyarakat setempat?
74. Adakah target atau tujuan sebenar Encik bekerja di dalam bidang ini telah tercapai atau masih diusahakan?
75. Adakah Encik pernah menerima undangan persembahan daripada istana?
76. Adakah Encik pernah mendapat sebarang anugerah khas daripada Raja-raja?
77. Bagaimanakah Encik boleh digelar sebagai Tokoh Penglipur Lara?
78. Pada tahun berapakah Encik memenangi tempat kedua didalam mencipta lagu Pahang?
79. Encik juga mendapat jemputan persembahan di luar negara. Boleh saya tahu negara apa yang pernah menjemput Encik?
80. Apakah sumbangan terkini yang Encik berikan kepada masyarakat setempat?
81. Adakah Encik merasakan masyarakat kini akan memanfaatkan sebaiknya apa yang Encik telah sumbangkan?

I. HARAPAN DAN NASIHAT DALAM INDUSTRI

*** Sebagai seorang yang amat mencintai bidang seni batik,**

82. Adakah umur menjadi penghalang untuk encik bergiat aktif dalam bidang ini?
83. Sebagai seorang yang arif tentang bidang ini, apakah pandangan encik terhadap seni muzik pada masa ini?
84. Apakah yang diperlukan oleh seseorang itu untuk menghasilkan seni muzik yang terbaik? Adakah minat atau bakatnya? Atau perkara lain?
85. Pada pandangan encik, apakah kriteria utama untuk menjadi seorang pemuzik?
86. Apakah pendapat encik mengenai anak-anak muda yang menganggap seni muzik tradisional ini tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya?
87. Untuk mengekalkan momentum dan semangat dalam bidang ini tidaklah mudah, jadi apakah nasihat encik?

88. Apakah pendapat encik terhadap Seni Muzik Tradisional pada negara kita?
89. Apakah harapan encik terhadap Seni Muzik Tradisional?
90. Apakah nasihat yang boleh encik berikan kepada generasi sekarang yang ingin menceburi bidang seni muzik tradisional?
91. Adakah encik pernah membuat persembahan dengan kelab-kelab seni yang lain?
92. Sewaktu MCO bagaimanakah kelab ini beroperasi?

AYAT PENUTUP

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai mengenai latar belakang dan pengalaman hidup Encik Noor Azman bin Norawi yang merupakan seorang Adiguru Gendang Lagu Rakyat dan seorang pemain gendang tradisional Pahang. Beliau juga adalah Pengerusi Persatuan Kesenian Anak Kayan Dan Kelab Serindit Mati Tersepit. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni muzik tradisional kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 2 – Encik Noor Azman bin Norawi



LAMPIRAN 3 – Penemubual bersama Encik Noor Azman bin Norawi



LAMPIRAN 4 – Senarai anugerah dan pengiktirafan

Tahun	Anugerah	Penganjur
2010	Naib Juara Cipta Lagu Pahang	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang
2012	Tokoh Penglipur Lara Dalam Persembahan	Jabatan Warisan Negara
2012	Mewakili Malaysia di South East Asean Night	Universiti Exeter, London
2013	Johan Pertandingan Gendang Silat Pahang	Majlis Agama Islam Pahang
2013	Mengadakan persembahan di Rain Forest Music Festival, Sarawak	Sarawak Tourism Board
2013	Tempat ke-4 Festival Pergendangan dan Perkusi Peringkat Kebangsaan di Royal Belum, Perak	Majlis Kebudayaan Negeri Perak
2016	Mengadakan persembahan di Istana Budaya, Kuala Lumpur	Istana Budaya, Kuala Lumpur
2019	Dilantik sebagai Tourism Partner	World Homestay Organisation
2019	Mengadakan Persembahan Lagu Rakyat Pahang sempena Festival Setinggi Antarabangsa di Kuantan, Pahang	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang
2021	Penerima Geran dan Gelaran Adiguru Gendang Tradisional CENDANA	Kementerian Komunikasi
2021	Senarai kategori Seniman di dalam Buku Wira-Wira Pahang terbitan PEKAP	PEKAP
2021	Anugerah Penggiat Lagu Rakyat disampaikan oleh Pemangku Raja Pahang	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang
2022	Anugerah Penggiat Seni Berbahasa oleh Perdana Menteri Malaysia	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang
2022	Juara Video Lagu Puisi Kebangsaan	SME Bank & Dewan Bahasa Pustaka
2022	Juara Lanskap Kategori Rumah Tradisional	Majlis Bandaraya Kuantan
2023	Persembahan Jemputan Sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Bersama KDYMM Yang Di Pertuan Agong	Majlis Bandaraya Kuantan

LAMPIRAN 5 – Senarai aktiviti persatuan dan kelab

- i) Kelas Latihan gendang
- ii) Kelas Latihan deklamasi puisi dan sajak
- iii) Santai seni bersama mahasiswa/i IPTA/IPTS
- iv) Pusat rujukan kesenian setempat
- v) Kelas latihan teater
- vi) Perkongsian ilmu kesenian, lagu rakyat dan puisi
- vii) Sewaan busana melayu
- viii) Program pembuatan dan gubahan tanjak tradisional dan kreatif
- ix) Kelas aktiviti lakonan
- x) Tempahan busana melayu
- xi) Koleksi barangan antik dan seni

LAMPIRAN 6 – Senarai persembahan di media massa/majlis masmi

Tahun	Acara	Lokasi
2019	Persembahan Jemputan bersama Perdana Menteri Malaysia (Tun Dr Mahathir Mohammad)	Publika, Kuala Lumpur
2019	Persembahan jemputan bersama mantan Perdana Menteri Malaysia (Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak)	Cameron Highland, Pahang
2015, 2019	Selamat Pagi Malaysia	RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur
2017	Malaysia Hari Ini	TV3, Seri Pentas, Kuala Lumpur
2015	Program Realiti TV Mimpi Ke Bintang	Auditorium JKKN Melaka
2013	Nasi Lemak Kopi O	TV9, Kuala Lumpur

INDEKS

INDEKS

A

Anak Kayan 3,39,40,42,46,48,49,54,55,
Anugerah 14,24,26,43,47,55
Asuh 18,52

B

Bakat 6,24,44,48,52,55
Budaya 4,11,12,20,24,25,27,28,48,49
Busana 16,42,46

G

Gendang
22,25,28,29,33,36,37,38,40,41,43,46,47,49,
55

K

Karya 16,20,21,37,38
Kesenian 3,4,5,6,24,25,40,43,49
Klasik 3,7,18,21

L

Lagu Rakyat 3,31,32,33,47

M

Man Kayan
3,9,14,17,18,19,26,27,41,42,43,44,47,48,4
9,51
Muzik
5,11,13,17,21,22,23,25,27,29,30,33,37,40,
42,43,53

S

Seni
3,4,5,6,10,13,16,17,19,20,21,22,23,24,25,
26,27,28,
29,32,33,35,36,38,39,41,42,43,45,46,48,4
9,51,53,55,56
Serindit 23,39,40,42,44,54,55,
Sumbangan 14,49,50,51,55

T

Tradisional
5,14,16,21,23,25,26,27,28,29,37,53

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, Johami (2021) "Music Education in Malaysia: An Overview," *Visions of Research in Music Education*: Vol. 16, Article 43.
<https://opencommons.uconn.edu/vrme/vol16/iss1/43>
- Adil Johan. (2022). Transnational Mobilities, Intercultural Rhythms: The Journey of a Drummer in Malaysian Popular Music, 1980s and 1990s. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 27(1), June 2022, 127-151
- Adil Johan. (2020). *Muzik Popular Malaysia: Perangsang dan Pelantar Sosial Integrasi Nasional*.
- Ismail, M. J., Loo, F. C., & Anuar, A. F., Yusuf, R. (2020). Institutionalising the kompang for primary school students in Malaysia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. Volume 13, Issue 5.
- Ismail, M. J., Loo, F. C., & Anuar, A. F. (2021). Learning music through rhythmic movements in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 241-263.
<https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.1.10>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *ResearchGate*.
https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif#:~:text=Data%20kualitatif%20ialah%20dalam%20bentuk,yang%20dijalankan%20dalam%20kajian%20kualitatif.
- McKinney, L. (2021). Perbezaan Antara Penyelidikan Kualitatif dan Kuantitatif (Dengan Carta Perbandingan) - Perniagaan - 2023. *Surveillancepackages*.
<https://ms.surveillancepackages.com/difference-between-qualitative-and-quantitative-research-6c0e0e>
- Sabli, M. F. B. (2023). Man Kayan "Permata" Lagu rakyat. *Dewan Budaya*.
<https://dewanbudaya.jendeladb.my/2023/06/21/5889/>
- Shazlin A. Hamzah, Adil Johan. (2020). Malaysian Music and Social Cohesion: Contemporary Responses to Popular Patriotic Songs from the 1950s – 1990s. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 25(1), June 2020, 191-209. Doi:
<https://doi.org/10.22452/jati.vol25no1.10>
- Shazlin A. Hamzah, Shamsul Amri Baharuddin. (2020). Lagu Malaysia Truly Asia Sentuhan Ahmad Nawab: Sebuah Penjenamaan Bangsa Berakarkan Rumpun Nusantara. *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 37(2) 2020: 37-52. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3702-03>

DIARI PENYELIDIKAN

DIARI PENYELIDIKAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12:00 p.m. - 1:00 p.m.	20 March 2023	Perbincangan Projek Kajian	Puan Nurulannisa menerangkan tentang projek serta struktur yang harus dilaksanakan didalam kelas.
12:00 p.m. - 1:00 p.m.	27 March 2023	Pembentukan Kumpulan	Pembentukan ahli kumpulan. Disebabkan bilangan ahli kelas yang ganjil, maka kumpulan kami mempunyai tiga orang ahli iaitu Adilah, Zainatul dan Intan.
1:00 p.m. – 2:00 p.m.	03 April 2023	Pemilihan Tajuk dan Seniman Kajian	Membincangkan dan menyenarikan tajuk-tajuk dan seniman-seniman yang sesuai dengan kajian.
8:00 p.m. – 10:00 p.m.	10 April 2023	Kajian Literatur dan Penulisan Kertas Kerja	Menyiapkan dan menentukan kajian literatur dan penulisan kertas untuk temubual ini kerja bersama-sama.
12:00 p.m. - 1:00 p.m.	17 April 2023	Pensyarah Meluluskan untuk Menemubual Seniman	Mendapat kelulusan daripada Puan Nurulannisa mengenai tajuk dan seniman yang dipilih iaitu seniman seni muzik tradisional iaitu Encik Noor Azman Norawi.
3:00 p.m. – 5:00 p.m.	08 Mei 2023	Mencari Maklumat Mengenai Seniman	Mencari maklumat mengenai seniman di Internet untuk merangka soalan temubual.
2:30 p.m. – 3:00 p.m.	15 Mei 2023	Pemilihan Tarikh Temubual	Berbincang untuk memilih tarikh menemubual tokoh.

8:00 p.m. – 10:00 p.m.	22 Mei 2023	Menyediakan Soalan Temubual	Menyediakan soalan temubual berdasarkan maklumat yang ditemui di Internet berkaitan seniman.
2:00 p.m. – 3:00 p.m.	29 May 2023	Menghubungi Seniman untuk Menetapkan Tarikh Temubual	Menghubungi seniman melalui WhatsApp dan menetapkan tarikh temubual pada 27 Jun 2023 disebabkan jadual beliau yang padat.
12:00 p.m. – 2:00 p.m.	27 Jun 2023	Menemubual Seniman Secara Bersemuka	Menemubual seniman secara bersemuka di Kampung Permata Badak, Kuantan, Pahang selama lebih kurang dua jam.
2:00 p.m. – 5:30 p.m.	3 Julai 2023	Pembahagian Kerja dan Menaip Transkrip	Membahagikan bahagian-bahagian temubual dan mula menaip transkrip.
8:30 p.m. – 11:00 p.m.	10 Julai 2023	Menyiapkan Semua Bahagian Transkrip	Menyiapkan semua kandungan transkrip berdasarkan garis panduan yang disediakan.
10:00 a.m. – 11:00 p.m.	17 Julai 2023	Menyusun Bahagian Transkrip	Menyusun bahagian transkrip mengikut garis panduan.
11:15 p.m.	29 Julai 20203	Menghantar Tugasan Penuh	Menghantar tugasan penuh kepada Puan Nurulannisa melalui google classroom.

PERJANJIAN SEJARAH LISAN

PERJANJIAN SEJARAH LISAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Noor Azman bin Norawi K/P: pada 27/6/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.
Walaupun bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (Interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik- penyelidik.

(Nama tokoh: Noor Azman bin Norawi)

Tarikh: 27/6/2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)

b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)